



# Modul

# PATRIOT

*Sejarah Kertas 1*



**Progresif**

**A+**

**Tekun**

**Rajin**

**Intelek**

**Optimis**

**Tanggungjawab**

**Modul PATRIOT**

© Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada penerbit.

# Sekapur Sireh



Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi  
Maha Penyayang

Alhamdulillah, syukur kepada Allah swt kerana diizinkan oleh-Nya dan diberi kekuatan untuk pasukan panel menghasilkan Modul PATRIOT ini sebagai kegunaan kepada guru Sejarah MRSM Se-Malaysia dalam usaha membimbing pelajar bagi memantapkan penguasaan dan pemahaman subjek Sejarah. Kandungan modul ini merangkumi 800 item soalan objektif yang mencakupi 20 bab Sejarah tingkatan 4 dan tingkatan 5, KSSM.

Sesungguhnya penghasilan modul PATRIOT merupakan wadah penting dalam usaha memastikan pelajar MRSM Se-Malaysia bersedia dan mampu membawa kecemerlangan dalam peperiksaan. Di kesempatan ini, sekalung penghargaan kepada Bahagian Pendidikan Menengah MARA atas usaha menyediakan platform kepada guru-guru Sejarah MRSM Se-Malaysia menggembleng idea dan tenaga bagi menghasilkan modul ini.

Usaha murni yang digabung jalin ini ibarat *belayar sambil memapan, merapat sambil belayar* bagi warga pendidik meningkatkan profesionalisme keguruan disamping menyediakan buah tangan kepada pelajar sebagai persediaan berjuang dalam peperiksaan yang akan datang.

Syabas dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas usaha dan keringat semua pihak yang terlibat dalam penghasilan modul PATRIOT ini. Besarlah harapan agar ianya dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai wahana pendidikan yang akan melonjakkan prestasi mata pelajaran Sejarah.

# Kata Alu-Aluan

**Pengarah**  
Bahagian Pendidikan Menengah MARA

***Bismillahir Rahmanir Rahim***  
***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh***

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah dan kurnia-Nya kerana memberikan kesempatan untuk merakamkan sepatah dua kata dalam Modul PATRIOT ini.



Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua guru yang terlibat dalam penyediaan modul yang amat bermakna ini.

Saya percaya daya usaha guru-guru yang terlibat dalam menyediakan modul ini akan memberi input yang berguna dan pastinya dapat membantu guru-guru Sejarah MRSM Se-Malaysia meningkatkan lagi mutu pengajaran mata pelajaran Sejarah. Seterusnya di harap modul ini juga dapat memberi impak yang besar ke atas keputusan peperiksaan secara keseluruhannya. Usaha-usaha sebegini amatlah dialu-alukan untuk membolehkan kita bersama-sama memberi yang terbaik kepada pelajar kita di samping untuk mencapai misi 100 % A.

Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar modul ini akan dapat memberi faedah dan manfaat kepada semua guru dan seterusnya dapat membantu pelajar mempelajari mata pelajaran Sejarah dengan mudah. Saya berdoa agar segala usaha dan pengorbanan para guru diberkati Illahi.

Abd Manab bin Abdul Majid  
Pengarah  
Bahagian Pendidikan Menengah MARA


# Kata Alu-Aluan

Pertama-tamanya setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya modul PATRIOT dapat dihasilkan dalam misi membantu pelajar MRSM dalam perjuangan menghadapi peperiksaan SPM.

Ribuan terima kasih kepada Puan Zarina bt Fauzi KPP Sejarah BPM dan pasukan guru sejarah MRSM atas inisiatif menghasilkan modul ini. Pihak BPM sentiasa menyokong usaha guru-guru membantu pencapaian pelajar dalam subjek Sejarah sama ada kepada pelajar tingkatan empat mahupun calon-calon SPM.

Dari semasa ke semasa, pihak Bahagian Pendidikan Menengah MARA sentiasa mengambil inisiatif dan strategi bagi menyediakan ruang dan peluang kepada warga pendidik MRSM untuk meningkatkan tahap profesionalisme melalui seminar, perkongsian amalan terbaik dan bengkel penggubalan soalan. Saya percaya tahap profesionalisme guru yang tinggi secara tidak langsung mampu membantu pelajar menguasai teknik terbaik sebagai persediaan untuk menduduki peperiksaan. Justeru saya percaya modul PATRIOT ini adalah bukti kesungguhan semua untuk meningkatkan prestasi subjek ini pada masa akan datang seterusnya merealisasikan hasrat untuk mendapat 100 A % subjek sains sosial. InsyaAllah.



  
**Dr Zulkifli Hussain**  
 Timbalan Pengarah  
 (Sains Sosial)  
 BPM, MARA





**Zarina Fauzi**  
 Ketua Penolong Pengarah  
 Sejarah  
 BPM. MARA

Alhamdulillah dengan limpah izinNya misi menyiapkan modul Patriot akhirnya dapat direalisasikan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak pengurusan Bahagian Pendidikan Menengah MARA kerana memberi peluang kepada kami guru Sejarah MRSM menyiapkan buku modul PATRIOT ini. Modul ini memberi makna Progresif, A+, Tekun, Rajin, Intelek, Optimis dan Tanggungjawab. Diharapkan nilai ini dapat dihayati sebaiknya oleh guru dan pelajar.

Pada ksempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada guru-guru Sejarah yang terlibat atas komitmen terbaik yang telah diberikan. Sesungguhnya perjalanan menyiapkan modul ini menghadapi pelbagai cabaran namun dengan izinNya dapat juga disiapkan. Semangat juang yang tinggi tanpa mengenal erti letih dan putus asa akhirnya merealisasikan PATRIOT sebagai buah tangan untuk pelajar MRSM.

Semoga pembikinan modul ini bakal memberi manfaat kepada semua guru dan pelajar MRSM dan saham akhirat kepada para penggubal. Hanya Allah yang dapat membalas jasa guru-guru semua.

# Panel Penggubal



**Zarina Fauzi**  
KPP Sejarah, BPM



**Isni Isa**  
MRSM Kuala Kubu Bharu



**Tajun Niswa Tajul Ariffin**  
MRSM Kuala Berang



**Zakaria Ibrahim**  
MRSM Kuala Terengganu



**Norizan Awang**  
MRSM Pasir Tumboh



**Nor Saliza Mohd Zain**  
MRSM Alor Gajah



**Sarina Abdul Rahman**  
MRSM Baling



**Hazza Haslina Napiah**  
MRSM Tun Ghazalie Shafie



**Azizan Talib**  
MRSM Parit



**Mohd Adnan Zaroei**  
MRSM Arau



**Norsiah Majid**  
MRSM Serting



**Syariah bt Besah@Sitam**  
MRSM Tun Dr Ismail



**Sulaima Sulaiman**  
MRSM Bagan Datuk



**Mohamad Fitri Abdullah**  
MRSM Sultan Azlan Shah



**Mohd Radzi Abdul Kassim**  
MRSM Tun Ghafar Baba



**Siti Mariam Abdullah**  
MRSM Gerik

# Isi Kandungan

Tingkatan 4		TEMA : PEMBINAAN NEGARA	Halaman
Tajuk	Bab		
9	1	Warisan negara bangsa	8-20
	2	Kebangkitan nasionalisme	21-32
10	3	Konflik dunia dan pendudukan Jepun di negara kita	33-43
	4	Era peralihan kuasa British di negara kita	44-56
	5	Persekutuan Tanah Melayu 1948	57-66
	6	Ancaman komunis dan pengisytiharan darurat	67-78
11	7	Usaha ke arah kemerdekaan	79-89
	8	Pilihan raya	90-101
	9	Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957	102-112
	10	Pemasyuran Kemerdekaan	113-121

Tingkatan 5		TEMA : MALAYSIA DAN MASA DEPAN	Halaman
Tajuk	Bab		
12	1	Kedaulatan negara	122-132
	2	Perlembagaan Persekutuan	133-141
	3	Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen	142-150
	4	Sistem Persekutuan	151-162
13	5	Pembentukan Malaysia	163-173
	6	Cabaran selepas pembentukan Malaysia	174-185
14	7	Membina kesejahteraan negara	186-196
	8	Membina kemakmuran negara	197-206
15	9	Dasar luar Malaysia	207-218
	10	Kecemerlangan Malaysia di persada dunia	219-229

## BAB 1 WARISAN NEGARA BANGSA

- 1 Konsep negara bangsa telah wujud di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat. Bagaimanakah pernyataan tersebut dapat dibuktikan?

ms 4

- A Kelahiran kerajaan Alam Melayu
- B Kemajuan perdagangan antarabangsa
- C Kewujudan hubungan dengan China
- D Kelahiran tokoh berwibawa

- 2 Senarai berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

ms 4

- Raja
- Undang-undang
- Wilayah pengaruh
- Rakyat

Apakah fungsi raja dalam kerajaan Alam Melayu?

ms 4

- A Menetapkan cukai
- B Membina monumen
- C Melaksanakan hukuman
- D Menjadi tonggak kerajaan

- 3 Maklumat berikut merujuk kepada kerajaan-kerajaan Alam Melayu.

- Srivijaya
- Kedah Tua
- Gangga Nagara

Apakah persamaan kerajaan tersebut?

ms 4

- A Menentang kuasa Barat
- B Mengasaskan kerajaan Islam
- C Mewariskan ciri negara bangsa
- D Mempunyai monumen agung

- 4 Gambar berikut merupakan batu bersurat yang terdapat dalam kerajaan Srivijaya.



Inskripsi Telaga Batu

Apakah kepentingan inskripsi tersebut?

ms 4

- A Menceritakan kehebatan kerajaan
  - B Menerangkan tatacara pelantikan raja
  - C Mencatat salasilah keturunan pemimpin
  - D Memperkukuh kesetiaan kepada pemerintah
- 5 Maklumat berikut merujuk kepada undang-undang kerajaan Majapahit.

*Kutara Manawa*

Mengapakah undang-undang tersebut digubal?

ms 4

- I Menjadi panduan pentadbiran
  - II Meluaskan wilayah pengaruh
  - III Membentuk hubungan diplomatik
  - IV Memastikan kesejahteraan kerajaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan satu upacara yang diamalkan dalam kerajaan Srivijaya.

Minum air sumpahan

Apakah tujuan upacara tersebut dijalankan?

ms 4-5

- A Menyucikan dosa
- B Menzahirkan kesyukuran
- C Membuktikan kesetiaan
- D Merawat penyakit

7 Bagaimanakah rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan mereka?

ms 5

- A Melakukan upacara persetiaan
- B Menghasilkan karya kesusuteraan
- C Mengahwini kerabat diraja
- D Membina kompleks kota

8 Maklumat berikut berkaitan Kesultanan Johor Riau pada abad ke-16.

Kesultanan Johor-Riau berusaha meneruskan ciri-ciri negara bangsa yang diasaskan oleh Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah aspek yang diberi penekanan oleh kerajaan tersebut?

ms 5

- A Agama Islam
- B Lambang negeri
- C Bahasa pertuturan
- D Khazanah warisan

9 Antara berikut, yang manakah ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka?

ms 6

- I Rakyat
- II Pembesar
- III Perwarisan
- IV Kedaulatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Apakah faktor kemunculan sesebuah kerajaan Alam Melayu?

ms 6

- A Penetapan sempadan
- B Kewujudan Raja
- C Kedaulatan undang-undang
- D Pengukuhan lambang-lambang

11 Maklumat berikut berkaitan perubahan gelaran pemerintah Melaka.



Mengapakah berlaku perubahan gelaran tersebut?

ms 6


- A Perluasan kuasa
- B Kedatangan Islam
- C Arahan pemerintah
- D Pertukaran budaya

12 Apakah peranan golongan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka?

ms 6

- A Menguruskan pentadbiran
- B Melaksanakan undang - undang
- C Mengukuhkan ekonomi
- D Melantik pemerintah

13 Rajah berikut menunjukkan hierarki sosial Kesultanan Melayu Melaka.



Siapakah golongan diperintah?

ms 6

- A Bangsawan
- B Pembesar
- C Hamba
- D Sultan

14 Bagaimanakah sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka diperkukuhkan?

ms 6

- A Mendapatkan pengiktirafan negara jiran
- B Memperoleh nasihat daripada kerajaan lain
- C Melaksanakan sistem Pembesar Empat Lipatan
- D Mengamalkan konsep Raja Berperlembagaan

15 Maklumat berikut menjelaskan maksud kedaulatan.

Lambang kekuasaan tertinggi raja

Apakah kepentingan konsep tersebut dalam perkembangan Kesultanan Melayu Melaka?

ms 6

- A Menentukan hubungan diplomatik
- B Memastikan pelaksanaan undang-undang
- C Mengikat hubungan pemerintah dengan rakyat
- D Merupakan hak mutlak sultan mengawal rakyat

16 Bagaimanakah rakyat mengakui kekuasaan seseorang raja?

ms 6

- I Menguasai kawasan naungan
- II Menjadi nakhoda kapal
- III Menumpahkan taat setia
- IV Mematuhi undang-undang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Apakah kepentingan lambang kebesaran berikut?

ms 7

- Nobat
- Regalia

- A Membuktikan keturunan
- B Memperlihatkan keaslian
- C Menunjukkan kedaulatan
- D Menggambarkan kemewahan

18 Mengapakah Kesultanan Melayu Melaka berusaha meluaskan wilayah pengaruhnya?

ms 7

- A Membuktikan kewibawaan pemerintah
- B Melambangkan kehebatan penduduk
- C Memperlihatkan kekayaan negeri
- D Mendapatkan taat setia rakyat

19 Peta berikut menunjukkan empayar Kesultanan Melayu Melaka.



Bagaimanakah Melaka memperoleh wilayah-wilayah tersebut?

ms 7

- I Naungan
- II Anugerah
- III Perjanjian
- IV Perkahwinan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Senarai berikut merupakan wilayah pengaruh kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

- Pahang
- Kampar
- Rokan

Bagaimanakah kawasan tersebut diperoleh?

ms 7

- A Melalui peperangan
- B Melalui penerimaan ketuanan
- C Melalui perjanjian perdagangan
- D Melalui hubungan persahabatan

21 Bagaimanakah kerajaan Melaka memperoleh wilayah berikut daripada kerajaan Majapahit?

ms 7

Wilayah Siantan

- A Perjanjian persahabatan
- B Hubungan sejarah
- C Pertukaran wilayah
- D Hadiah perkahwinan

22 Apakah kesan pelaksanaan undang-undang berikut kepada Kesultanan Melayu Melaka?

ms 7

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-Undang Laut Melaka

- A Kekuatan tentera
- B Pertambahan penduduk
- C Keunggulan kerajaan
- D Pengiktirafan masyarakat

23 Apakah kepentingan lambang berikut?

ms 7

- Adat istiadat
- Nobat
- Cap mohor

- I Identiti kerajaan
- II Keistimewaan pemerintah
- III Simbol kemakmuran wilayah
- IV Lambang kekuatan ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Gambar berikut merupakan lambang kebesaran Kesultanan Melayu Melaka.



Cap Mohor

Apakah kepentingan lambang kebesaran tersebut?

ms 7

- A Mengesahkan arahan sultan
- B Meluaskan empayar kerajaan
- C Memperkukuh ketaatan rakyat
- D Menentukan status kerajaan

25 Apakah kepentingan alat kebesaran berikut?


ms 7



Tengkolok

- A Simbol kekuasaan
- B Simbol kedaulatan
- C Lambang kekuatan
- D Lambang kemewahan

26 Maklumat berikut berkaitan perundangan Kesultanan Melayu Melaka.




Apakah X?

ms 7

- A Undang-undang bertulis
- B Undang-undang tradisi
- C Undang-undang raja
- D Undang-undang adat

- 27 Siapakah yang diberikan kuasa oleh Sultan Melaka untuk memerintah sesebuah wilayah? ms 8
- A Ulama
  - B Syahbandar
  - C Utusan khas
  - D Pembesar Berempat

- 28 Rajah berikut menunjukkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



Sistem Pembesar Empat Lipatan

Apakah X?

- A Penggawa
  - B Syahbandar
  - C Ketua Kampung
  - D Penghulu Bendahari
- 29 Apakah yang dimaksudkan dengan 'kawasan pegangan'? ms 8
- A Kawasan kurniaan raja kepada pembesar
  - B Kawasan pungutan kutipan cukai pelabuhan
  - C Kawasan pusat pentadbiran negeri
  - D Kawasan perdagangan yang pesat
- 30 Buktikan kebijaksanaan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka mentadbir kerajaan. ms 9
- I Mendapatkan khidmat tentera luar
  - II Membahagikan kawasan wilayah taklukan
  - III Mempunyai sistem pentadbiran teratur
  - IV Mendapat pengiktirafan kerajaan lain
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

31 Ilustrasi berikut merupakan tokoh yang pernah berkhidmat dalam Kesultanan Melayu Melaka.



Bendahara Tun Perak

Apakah peranan beliau dalam sistem pentadbiran Melaka?

ms 9

- A Mengutip cukai di pelabuhan
- B Mengetuai angkatan tentera
- C Menjatuhkan hukuman pesalah
- D Menjaga keselamatan kota

32 Pilih pasangan yang betul berkaitan peranan pembesar-pembesar Kesultanan Melayu Melaka.

ms 9

A	Bendahara	Menjadi pemangku sultan
B	Penghulu Bendahari	Mengutip cukai
C	Temenggung	Menjaga keselamatan kota Melaka
D	Laksamana	Panglima Angkatan Tentera Laut Melaka

33 Antara berikut perkara yang manakah terdapat dalam Hukum Kanun Melaka?

ms 10

- I Pelayaran
  - II Percukaian
  - III Ekonomi
  - IV Kekeluargaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

34 Maklumat berikut berkaitan dengan peraturan jenayah dalam Hukum Kanun Melaka.

Fasal 4-Hukuman Bunuh

Apakah kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman tersebut?

ms 10

- I Memalsukan titah raja
- II Mengingkari arahan raja
- III Menyamar menjadi pembesar
- IV Mengubah haluan pelayaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Maklumat berikut merupakan undang-undang yang diguna pakai oleh Kesultanan Melayu Melaka.

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Laut Melaka

Mengapakah undang-undang tersebut dipraktikkan?

ms 10

- A Menghargai warisan tradisi
- B Mengetengahkan peranan penduduk
- C Melancarkan urusan pentadbiran
- D Mempertingkatkan pemikiran masyarakat

36 Maklumat berikut berkaitan Fasal 6.3 Undang-undang Laut Melaka.


Setiap penumpang kapal akan dikenakan cukai 1/10 hasil penumpang.

Siapakah yang menentukan jumlah cukai tersebut?

ms 11

- A Nakhoda
- B Bendahara
- C Syahbandar
- D Penghulu Bendahari

37 Teks berikut merupakan waadat antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun.



Sumber: W.G.Shellabear. 1995. *Sejarah Melayu*.  
Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd

Apakah yang dimaksudkan dengan waadat?

ms 12

- A Perjanjian antara pemerintah dengan rakyat
- B Penjelasan peranan rakyat dan pembesar
- C Pengukuhan hubungan antara negara
- D Perutusan raja kepada rakyat jelata

38 Maklumat berikut merujuk kepada maksud tulah.


Tulah bererti kecelakaan yang menimpa seseorang

Mengapakah seseorang itu boleh ditimpa tulah?

ms 13

- A Melanggar titah raja
- B Membunuh rakyat raja
- C Mengingkari arahan pembesar
- D Melakukan perbuatan jenayah

39 Rajah berikut merujuk kepada golongan hamba pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah X?

ms 13

- A Hamba abdi
- B Hamba sahaya
- C Hamba berhutang
- D Hamba tawanan perang

40 Perumpamaan berikut merujuk kepada hubung kait pemerintah dan rakyat.

“Rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon,  
Jikalau tiada akar nescaya pohon tidak akan dapat berdiri,  
demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya”.

Sumber: W.G.Shellabear.  
1995.*Sejarah Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd


Apakah yang dapat disimpulkan daripada perumpamaan tersebut?

ms 13

- A Rakyat perlu mentaati raja
- B Pemerintah menjaga kebajikan rakyat
- C Rakyat menderhaka akan ditimpa tulah
- D Pemerintah dan rakyat saling memerlukan

**PERATURAN PEMARKAHAN  
BAB 1**

NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT	NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT
1	A	4	21	D	7
2	D	4	22	C	7
3	C	4	23	A	7
4	D	4	24	A	7
5	B	4	25	B	7
6	C	4-5	26	A	7
7	A	5	27	D	8
8	A	5	28	D	8
9	B	6	29	A	9
10	B	6	30	D	9
11	B	6	31	B	9
12	C	6	32	A	9
13	C	6	33	D	10
14	C	6	34	A	10
15	D	6	35	C	10
16	D	6	36	A	11
17	C	7	37	A	12
18	A	7	38	A	13
19	B	7	39	C	13
20	A	7	40	D	13



## BAB 2 KEBANGKITAN NASIONALISME

- 1 Apakah tafsiran tokoh tersebut terhadap nasionalisme?

ms 22



Profesor William R.Roff

- A Kesetiaan kepada raja  
 B Kesatuan rakyat tempatan  
 C Kebangkitan bangsa yang kuat  
 D Kebimbingan terhadap sekularisme
- 2 Pernyataan berikut berkaitan dengan idea nasionalisme yang dikemukakan oleh seorang tokoh.

Perjuangan menentang penjajah hendaklah ada persatuan dan perpaduan yang kuat.

Siapakah tokoh tersebut?

ms 23

- A Dr. Burhanuddin al Helmi  
 B Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim  
 C Profesor William R. Roff  
 D Dato Onn Jaafar
- 3 Karya berikut berkaitan hasil penulisan John Locke, ahli falsafah Inggeris pada abad ke-17.

*Treaties of Government*

Apakah prinsip yang dipopularkan dalam karya tersebut?

ms 24

- A Konsep negara republik  
 B Demokrasi berperlimen  
 C Raja berpelembagaan  
 D Hak rakyat bersuara

- 4 Jadual berikut berkait dengan peristiwa perjuangan rakyat British di England pada abad ke-17.

Tarikh	Peristiwa
1688	Revolusi tercetus kerana Raja James II telah membelakangkan parlimen semasa membuat undang-undang.

Mengapakah peristiwa tersebut dikenali sebagai Revolusi Keagungan?

ms 24

- A Peralihan kuasa berlaku dengan aman  
 B Penentangan melibatkan seluruh rakyat  
 C Perjuangan memulihkan kuasa raja  
 D Penghapusan sistem birokrasi
- 5 Bagaimanakah Amerika Syarikat memperoleh kemerdekaan?
- A Kuasa parlimen  
 B Mogok umum  
 C Pilihan raya  
 D Revolusi
- 6 Mengapakah gerakan nasionalisme di India adalah lebih tersusun pada penghujung abad ke-19?
- A Perkembangan pendidikan Barat  
 B Peningkatan sistem perhubungan  
 C Pengaruh golongan agama  
 D Pengenalan Birokrasi Barat
- 7 Mengapakah Mahatma Gandhi berpegang teguh kepada konsep “satyagraha” dalam perjuangan nasionalisme di India?
- A Penekanan pembaharuan dalam negara  
 B Pemeliharaan budaya tempatan  
 C Pendekatan gerakan parti politik  
 D Perjuangan tanpa keganasan
- 8 Rajah berikut menerangkan perubahan pemerintahan di China pada abad ke-19.



Apakah faktor yang membawa kepada perubahan tersebut?

ms 26

- A Kemasukan pelabur barat  
 B Kelahiran ideologi kapitalis  
 C Kebangkitan rakyat  
 D Kematian pemimpin

- 9 Dr. Sun Yat Sen mempelopori perjuangan nasionalisme di China dengan mengemukakan prinsip berikut.

Tiga Prinsip Rakyat (San Min Chu-i)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nasionalisme</li> <li>• Demokrasi</li> <li>• X</li> </ul>

Apakah X?

ms 26

- A Mandat rakyat
- B Kebajikan sosial
- C Ekonomi sejagat
- D Keamanan bersama

- 10 Tokoh berikut telah berjuang menentang penjajah Barat pada awal abad ke-20.



Sheikh Muhammad Abduh

Apakah idea yang dibawa oleh tokoh tersebut?

ms 27

- A Pemulihan pemikiran
- B Perpaduan antara kaum
- C Perjuangan secara radikal
- D Persaudaraan umat sejagat

- 11 Bagaimanakah Maharaja Meiji mengelakkan ancaman imperialisme Barat?

ms 27

- A Memperkasa perpaduan rakyat
- B Melaksanakan dasar tutup pintu
- C Mengukuhkan hubungan diplomatik
- D Melancarkan gerakan pemulihan Jepun

- 12 Apakah prinsip "**semangat bushido**" yang wajar menjadi contoh kepada generasi muda hari ini?

ms 27

- A Bersedia berkorban untuk negara
- B Memperkukuhkan amalan demokrasi
- C Bekerjasama dengan semua golongan
- D Menghormati golongan yang lebih dewasa

- 13 Gerakan nasionalisme di Filipina menjadi lebih radikal semasa pimpinan Bonifacio. Apakah faktor yang mendorong perubahan tersebut?

ms 28

- A Kekuatan golongan muda
- B Bantahan siswazah universiti
- C Bantuan daripada negara luar
- D Kegagalan Gerakan Propaganda

- 14 Apakah kesan peristiwa berikut terhadap gerakan nasionalisme di Filipina?

ms 28

Pada tahun 1899 Amerika Syarikat menggantikan penjajah Sepanyol di Filipina

- A Gerakan politik lebih sederhana
- B Kebangkitan gerakan revolusi
- C Pembentukan gerakan gerila
- D Perjuangan lebih tersusun

- 15 Gerakan nasionalisme Burma ialah manifestasi perjuangan golongan berikut.

- Golongan Kelas Menengah
- Golongan Sami Buddha
- Golongan Kelas Pertengahan Berpendidikan Barat
- **X**

Apakah **X**?

ms 29

- A Golongan bangsawan
- B Golongan pentadbir
- C Golongan petani
- D Golongan pelajar

- 16 Apakah peranan tokoh berikut dalam gerakan nasionalisme Burma?

ms 29



Aung San

- A Membela nasib pedagang
- B Menyebarkan idea revolusi
- C Memperjuangkan kemerdekaan
- D Mengetuai pemberontakan rakyat

- 17 Maklumat berikut berkaitan perjuangan gerakan nasionalisme di Vietnam pada awal abad ke-20.

Golongan Intelektual	Meningkatkan kesedaran politik dan gerakan anti Perancis
Golongan Mandarin	<b>X</b>

Apakah **X**?

ms 29

- A Memperjuangkan pemulihan sistem beraja
  - B Mengetengahkan kuasa pembesar
  - C Melaksanakan pentadbiran moden
  - D Menekankan politik sederhana
- 18 Bagaimanakah Perancis melumpuhkan gerakan golongan nasionalis di Vietnam?

ms 29

- 19 Jadual berikut menerangkan novel yang diterbitkan di Indonesia pada awal abad ke-20.

<b>Tahun</b>	1911
<b>Tajuk Novel</b>	Habis Gelap Terbitlah Terang
<b>Pengarang</b>	Raden Adjeng Kartini

Apakah mesej yang disampaikan oleh pengarang dalam novel tersebut?

ms 30

- A Penghargaan warisan bangsa
  - B Pembangunan nasional
  - C Persaudaraan ummah
  - D Penindasan penjajah
- 20 Apakah kepentingan ikrar berikut kepada perkembangan politik Indonesia sebelum Perang Dunia Kedua?

Ikrar Sumpah Pemuda
---------------------

ms 30

- A Memajukan pendidikan kaum wanita
- B Menolak ancaman sekularisme barat
- C Mewujudkan keutuhan negara bangsa
- D Mempertahankan pemerintahan beraja

21 Apakah usaha tokoh berikut dalam mempertahankan kedaulatan Thailand?

ms 31



Raja Mongkut



Raja Chulalongkorn

- A Menggalakkan kedatangan pelabur asing
  - B Melaksanakan pemodenan pentadbiran
  - C Menguatkuasakan kemasukan imigran
  - D Mempergiat pengeluaran pertanian
- 22 Peristiwa berikut berkaitan dengan perkembangan semangat nasionalisme di Thailand pada abad ke-20.

Revolusi Thai

Apakah kesan peristiwa tersebut kepada kerajaan Thailand?

ms 31

- A Pengukuhan peranan golongan bangsawan
  - B Pengenalan sistem Raja Berperlembagaan
  - C Penghapusan kuasa kapitalis Barat
  - D Perkembangan fahaman liberal
- 23 Maklumat berikut berkaitan tokoh yang berusaha menentang penjajah di negara kita.

Pemerintah	Peristiwa
Sultan Mahmud Syah	Tiga kali menyerang Portugis di Melaka
Sultan Abdullah Mukarram Syah	<b>X</b>

Apakah **X**?

ms 32

- A Menuntut Pulau Pinang
- B Menghapuskan ancaman barat
- C Mendaulatkan wilayah Kepulauan Melayu
- D Mengadakan rundingan dengan kuasa luar

- 24 Maklumat berikut berkaitan nasionalis Tanah Melayu pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20.

- Dato' Maharaja Lela
- Tok Janggut
- Haji Abdul Rahman Limbong

Apakah matlamat perjuangan tokoh tersebut?

ms 33

- A Menggerakkan pembaharuan pentadbiran
- B Mendaulatkan wilayah masing-masing
- C Mempertahankan golongan intelektual
- D Menghasilkan karya nasionalisme

- 25 Novel berikut merupakan hasil penulisan kreatif Pak Sako atau Ishak Haji Muhammad.



*Putera Gunung Tahan dan Anak Mat*

Apakah perkara yang boleh dikaitkan dengan karya tersebut?

ms 34

- I Memperjuang pendidikan wanita
  - II Mengingatkan kepentingan kebebasan
  - III Menggunakan sindiran terhadap penjajah
  - IV Menyeru rakyat kembali kepada ajaran agama
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

26 Maklumat berikut merupakan institusi pendidikan penting pada awal abad ke-20 di Tanah Melayu.

- Madrasah al Attas
- Madrasah al Idrisiah
- Madrasah al Masyhur

Apakah kepentingan institusi tersebut?

ms 35

- A Melahirkan golongan pentadbir
- B Menyebarkan idea pemodenan
- C Menekankan pendidikan kemahiran
- D Membantu perjuangan golongan kiri

27 Maklumat berikut berkaitan nasionalis intelektual Melayu pada abad ke-20.

- Muhammad Eunos Abdullah
- Ibrahim Haji Yaakob

Bagaimanakah tokoh tersebut menyedarkan rakyat tentang nasionalisme?

ms 35

- I Menulis dalam akhbar
- II Melawat kawasan pedalaman
- III Menyalurkan bantuan kewangan
- IV Menubuhkan persatuan sosioekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Antara berikut tokoh yang manakah memperjuangkan idea Kaum Muda?

ms 36

- A Syed Sheikh al Hadi
- B Muhammad Rakawi Yusuf
- C Raja Chulan Raja Abdullah
- D Muhammad Eunos Abdullah

29 Apakah tuntutan lepasan Maktab Melayu Kuala Kangsar kepada kerajaan British?

ms 36

- A Penubuhan lebih banyak madrasah
- B Peluang pembelajaran kepada wanita
- C Pemerksaan mata pelajaran Kesihatan
- D Peluang pekerjaan kepada orang Melayu

- 30 Maklumat berikut berkaitan sebuah institusi pendidikan sebelum Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu.

ms 9

Institusi X	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menitikberatkan subjek Sejarah</li> <li>• Mendedahkan keagungan empayar Melayu di Alam Melayu</li> </ul>
-------------	---

Institusi X ialah

ms 37

- A Maktab Perguruan Sultan Idris  
 B Madrasah al Attas  
 C Raffles Institution  
 D Sekolah Melayu
- 31 Bagaimanakah institusi berikut berperanan membangkitkan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu pada abad ke-20?

ms 37

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Raffles Institution</li> <li>• Maktab Melayu Kuala Kangsar</li> <li>• Maktab Perguruan Sultan Idris</li> </ul>
---

- A Melahirkan golongan radikal  
 B Menyalur idea pembaharuan  
 C Melatih kemahiran ketenteraan  
 D Menghantar pelajar ke luar negara
- 32 Maklumat berikut berkaitan puisi yang dihasilkan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Angan-angan dengan Gurindam</i></li> <li>• <i>Semenanjung</i></li> <li>• <i>Sedarlah</i></li> </ul>
---

Apakah persamaan isu yang diketengahkan oleh karya kreatif tersebut?

ms 39

- A Menyeru perpaduan kaum  
 B Memperjuang persamaan taraf  
 C Menyemai semangat cinta negara  
 D Memperkukuh ekonomi masyarakat

- 33 Maklumat berikut berkaitan persatuan awal yang ditubuhkan di Tanah Melayu pada abad ke-20.

Mohammad Eunus Abdullah menubuhkan Kesatuan Melayu Singapura pada tahun 1926

Apakah kejayaan persatuan tersebut?

ms 40

- A Mendorong penubuhan persatuan negeri
- B Menyatukan pergerakan bumiputera
- C Mengadakan perhimpunan tahunan
- D Meningkatkan kesedaran ekonomi

- 34 Antara berikut, yang manakah benar berkaitan Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM) yang telah ditubuhkan pada tahun 1934?

ms 40

- I Menyeru ahli bersatu
- II Mementingkan pengajian tinggi
- III Melibatkan diri dalam pentadbiran
- IV Menggalakkan ahli bertukar-tukar pendapat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 35 Tokoh berikut merupakan ahli PASPAM di Sabah.

- Mohammad Yaakob
- Mohammad Shamsudin Osman
- Zakaria Gunn

Apakah mesej yang dibawa oleh mereka?

ms 40

- A Memelihara warisan tradisi
- B Mengkitik golongan pembesar
- C Menekankan kesedaran sosial
- D Menggalakkan pendidikan tinggi

- 36 Mengapakah British menganggap Kesatuan Melayu Muda (KMM) sebagai sebuah persatuan radikal?

ms 40

- A Menentang British secara gerila
- B Bergiat aktif dalam penubuhan persatuan
- C Membangkitkan perasaan anti-British
- D Bekerjasama dengan pihak komunis

- 37 British telah memperkenalkan satu dasar yang cuba mengembalikan kuasa sultan, residen dan Majlis Mesyuarat Negeri yang tercabar akibat pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896. Apakah dasar tersebut?

ms 42

- A Pecah dan Perintah
- B Desentralisasi
- C Pro-Barat
- D Berkecuali

- 38 Tokoh berikut menyedarkan guru pelatih akan kepentingan kurikulum bahasa Inggeris kepada masyarakat Melayu.



Siapakah beliau?

ms 42

- A Zainal Abidin Ahmad
- B Ishak Haji Muhammad
- C Tan Cheng Lock
- D E.E.C Thuraisingam

- 39 Akhbar berikut berusaha membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran ke luar negara sebelum Perang Dunia Kedua.

- *The Malay Mail*
- *The Malaya Tribune*

Apakah usaha tersebut?

ms 42

- A Mengasaskan dana
- B Menyediakan tempat tinggal
- C Menubuhkan badan kebajikan
- D Mendapatkan khidmat guru berkaliber

- 40 Ibu Zain merupakan penggerak utama majalah Bulan Melayu. Apakah saranan beliau terhadap golongan wanita?

ms 43

- A Meningkatkan ilmu pengetahuan
- B Menyertai pentadbiran kerajaan
- C Menubuhkan tabung keluarga
- D Menerbitkan bahan bacaan

**PERATURAN PEMARKAHAN  
BAB 2**

NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT	NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT
1	D	22	21	B	31
2	A	23	22	B	31
3	C	24	23	A	32
4	A	24	24	B	33
5	D	25	25	C	34
6	A	26	26	B	35
7	D	26	27	B	35
8	C	26	28	A	36
9	B	26	29	D	36
10	A	27	30	A	37
11	D	27	31	B	37
12	A	27	32	C	39
13	D	28	33	A	40
14	A	28	34	B	40
15	C	29	35	C	40
16	C	29	36	C	40
17	A	29	37	B	42
18	C	29	38	A	42
19	D	30	39	A	42
20	C	30	40	D	43

“Masa akan terus berlalu, apa yang penting apa yang anda lakukan dengan masa yang ada”

**BAB 3**  
**KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA**

- 1 British memperkenalkan Enakmen Undang-undang Islam pada tahun 1904. Apakah tujuan pengenalan undang-undang tersebut? ms 52
- A Memperkukuh Islam sebagai asas perundangan
  - B Membendung pengaruh idea gerakan Islam
  - C Membenarkan penubuhan sekolah Islam
  - D Meningkatkan perkembangan agama Islam
- 2 Bagaimanakah British mengawal gerakan Islah Islamiah di Tanah Melayu pada awal abad ke-20? ms 52
- A Menghadkan jumlah pelajar ke luar negara
  - B Melaksanakan perintah berkurung
  - C Melarang penubuhan persatuan
  - D Menubuhkan badan penyiasat
- 3 Maklumat berikut berkaitan situasi politik di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.
- Orang Melayu dilihat memberikan sokongan terhadap empayar Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama.
- Mengapakah British berwaspada dengan situasi tersebut? ms 52
- A Penggunaan senjata canggih
  - B Penyatuan dunia Islam dan Barat
  - C Seruan bangkit menentang penjajah
  - D Kehadiran tokoh empayar Uthmaniyah
- 4 Mengapakah kesedaran kebangsaan di Tanah Melayu tidak meluas sebelum Perang Dunia Kedua? ms 53
- A Kewujudan undang-undang
  - B Kemelesetan ekonomi dunia
  - C Ketiadaan pemimpin tempatan
  - D Kelemahan sistem pengangkutan
- 5 “Cerita Tekukur” yang disiarkan dalam akhbar Melayu pada tahun 1920 berunsurkan politik kemerdekaan. Dalam cerita tersebut, “tekukur” menangisi nasibnya kerana ms 53
- A hilang kebebasan
  - B kurang bermotivasi
  - C tidak mempunyai kawan
  - D cemburukan kehidupan manusia
- 6 Perang Dunia Pertama telah tercetus pada tahun 1914. Apakah faktor pemangkin meletusnya perang tersebut? ms 54
- A Penggunaan senjata moden
  - B Penaklukan Jerman ke atas Rhineland
  - C Penaklukan kawasan kaya bahan mentah
  - D Pembunuhan pewaris takhta Austria-Hungary

7 Persidangan Damai Paris pada 18 Januari 1919 telah melahirkan Deklarasi Woodrow Wilson.

Apakah prinsip yang dipersetujui berdasarkan deklarasi tersebut?

ms 56

- I Penentuan nasib negara ditentukan rakyat sendiri
- II Sempadan negara berasaskan bangsa
- III Larangan penggunaan senjata nuklear
- IV Agihan kuasa antara negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Apakah kesan Perang Dunia Pertama terhadap Eropah?

ms 57

- A Pakatan tentera dibentuk
- B Pemerintahan beraja tamat
- C Kerjasama ekonomi dipersetujui
- D Keperluan bahan mentah meningkat

9 Apakah kesan Perang Dunia Pertama terhadap Empayar Uthmaniyah?

ms 57

- A Pengukuhan kerjasama rakyat
- B Pembentukan kerajaan republik
- C Kewujudan pakatan tentera
- D Kemunculan blok dunia

10 Maklumat berikut berkaitan ideologi baharu yang mencetuskan Perang Dunia Kedua di Eropah.

Pilih pasangan yang betul.

ms 58

	<b>Fahaman Fasisme</b>	<b>Fahaman Nazisme</b>
A	Dipimpin Adolf Hitler	Dipimpin Joseph Stalin
B	Mengagungkan bangsa Jerman	Melebihkan kepentingan individu
C	Percaya kepada nasionalisme melampau	Mengagungkan bangsa Jerman
D	Memulihkan nasionalisme rakyat	Berperang untuk meningkatkan imej negara

11 Mengapakah pemimpin berikut mengingkari Perjanjian Versailles?

ms 58



Adolf Hitler

- I Kehilangan tanah jajahan
  - II Pelaksanaan gencatan senjata
  - III Persaingan mendapatkan kawasan pasaran
  - IV Keperluan membayar pampasan perang yang tinggi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 12 Bagaimanakah Hitler mengembalikan maruah bangsa dan negaranya selepas Perang Dunia Pertama?
- ms 58
- A Membina angkatan tentera
  - B Melaksanakan pilihan raya
  - C Memulihkan sistem monarki
  - D Membangunkan industri baru
- 13 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan kegagalan Liga Bangsa-Bangsa selepas Perang Dunia Pertama?
- ms 59
- I Mengawal inflasi
  - II Mengadakan perjanjian damai
  - III Menangani krisis pencerobohan
  - IV Menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 14 Pilih maklumat yang betul berkaitan faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua.
- ms 59
- A Itali - Menguasai Habsyah
  - B Jepun - Menakluk Korea
  - C Jerman - Menakluk Manchuria
  - D Perancis - Menguasai Albania

- 15 Jerman melancarkan serangan berikut bagi menakluk negara Eropah semasa Perang Dunia Kedua.

ms 60

*Blitzkrieg*

Apakah yang dimaksudkan dengan serangan tersebut?

- A Serangan bom nuklear
- B Serangan hendap
- C Serangan udara
- D Serangan kilat

- 16 Maklumat berikut berkaitan Operasi X semasa Perang Dunia Kedua.

Operasi X

- Disertai tentera Finland, Hungary dan Romania
- Pergerakan lebih tiga juta tentera

Apakah tujuan operasi tersebut dilancarkan?

ms 60

- A Menakluk Rusia
- B Menawan Poland
- C Menguasai Jerman
- D Memusnahkan pelabuhan Britain

- 17 Gambar berikut menunjukkan pertemuan tiga tokoh pemimpin Kuasa Bersekutu di Yalta, Rusia ketika Perang Dunia Kedua.



Apakah perkara yang mungkin dibincangkan dalam pertemuan tersebut?

ms 62

- A Rundingan damai
- B Pemulihan ekonomi dunia
- C Lawatan ke kawasan peperangan
- D Keberkesanan strategi peperangan

- 18 Apakah strategi tentera Bersekutu yang berjaya membebaskan Perancis daripada penaklukan Jerman dalam Perang Dunia Kedua?

ms 63

- A Kejayaan operasi "D-Day"
- B Pendaratan tentera di Calais
- C Pelancaran operasi Barbarossa
- D Penggunaan poster propaganda

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan pengenalan dasar luar Jepun pada abad ke-20.

Orde Baharu Asia

Apakah perkara yang terkandung dalam orde tersebut?

ms 64

- I Perluasan kuasa
  - II Penghasilan senjata moden
  - III Penghapusan amalan rasuah
  - IV Penentangan terhadap imperialisme barat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 20 Maklumat berikut berkaitan usaha Jepun meluaskan kuasanya di Asia semasa Perang Dunia Kedua.

ms 64

Setelah menguasai Korea, Manchuria dan China, Jepun menguasai kawasan strategik di Laut China Selatan termasuk Pulau Hainan dan IndoChina.

Apakah reaksi kuasa barat terhadap situasi tersebut?

- A Mengadakan perjanjian
- B Menggugurkan bom atom
- C Mengenakan sekatan ekonomi
- D Melancarkan serangan bersenjata

- 21 Jadual berikut berkaitan dengan serangan Jepun semasa Perang Dunia Kedua.

Tahun	Peristiwa
8 Disember 1941	Jepun menyerang Pearl Harbour, Amerika Syarikat di Pasifik

Mengapakah Jepun melakukan serangan tersebut?

ms 65

- A Menguasai ekonomi barat
- B Mewujudkan keamanan dunia
- C Melumpuhkan armada laut musuh
- D Memperlihatkan kecanggihan teknologi

- 22 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) juga dikenali sebagai Perang Pasifik. Mengapakah perang tersebut berlaku?

ms 65

- A Dasar imperialisme Jepun
- B Dasar dekolonisasi negara timur
- C Dasar kapitalisme Amerika Syarikat
- D Dasar neokolonialisasi negara barat

- 23 Slogan berikut berkaitan dengan usaha Jepun menjayakan misi mereka ke negara kita.

Asia untuk Orang Asia

Apakah muslihat Jepun menggunakan slogan tersebut?

ms 68

- A Mewujudkan perpaduan
- B Menambah jumlah tentera
- C Meningkatkan ekonomi penduduk
- D Menaikkan imej sebagai pembela Asia

- 24 Misi utama kedatangan Jepun ke negara kita ialah memenuhi keperluan ekonomi dan kepentingan ketenteraan.

Apakah tindakan Jepun untuk mencapai misi tersebut?

ms 68


- A Memalsukan dokumen
- B Melakukan tipu muslihat
- C Melaksanakan provokasi
- D Menggunakan propaganda

- 25 Mengapakah penguasaan Pulau Borneo penting bagi Jepun dalam pelan strategik ketenteraannya?

ms 68

- A Membuka laluan menguasai telaga minyak Sumatera
- B Menjayakan operasi penaklukan di Pulau Jawa
- C Memudahkan kemaraan ke Tanah Melayu
- D Menyekat kemaraan tentera Bersekutu

- 26 Rajah berikut berkaitan perubahan pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu dan Sumatera.



Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

ms 70

- A Permintaan penduduk kedua negara
- B Penghapusan pentadbiran Sumatera
- C Penentangan dari negara Belanda
- D Perbezaan sistem politik

- 27 Mengapakah rakyat Tanah Melayu tidak mahu ditangkap oleh pasukan Kempetai Jepun?

ms 70

- A Diseksa dengan kejam
- B Dihantar ke negara Jepun
- C Dikenakan perintah berkurung
- D Dibuang kerakyatan Tanah Melayu

- 28 Mengapakah pentadbiran tentera Jepun menubuhkan Koa Kunrenjo di Tanah Melayu?  
ms 71
- A Menjadi pasukan tentera sukarela
  - B Mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu
  - C Memperjuangkan semangat politik Jepun
  - D Membantu masyarakat dalam bidang ekonomi

- 29 Maklumat berikut berkaitan jawatankuasa yang ditubuhkan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

- Rancangan Pengeluaran Lima Tahun
- Jawatankuasa Penyelidikan Bahan

Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut?

ms 71

- I Menggabungkan pentadbiran wilayah
  - II Membangunkan industri tempatan
  - III Mengawal selia pelupusan barang
  - IV Menyediakan pusat latihan belia
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 30 Mata wang berikut telah digunakan semasa pendudukan Jepun di negara kita.


ms 71



Apakah kesan pengenalan mata wang tersebut?

- A Menyebabkan inflasi
- B Mengukuhkan ekonomi
- C Meningkatkan pendapatan
- D Meningkatkan penawaran barangan

- 31 Gambar berikut adalah novel karya Ahmad Murad Nasaruddin pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu.



Novel Nyawa *di-hujung* Pedang

Apakah mesej yang disampaikan melalui karya tersebut?

ms 73

- A Peluang dalam pentadbiran
  - B Ketabahan seorang pemuda
  - C Pendidikan golongan wanita
  - D Perpaduan antara kaum
- 32 Gambar berikut merupakan tokoh yang telah memberikan sumbangan dalam perkembangan nasionalisme di negara kita



Leftenan Adnan Saidi



Leftenan Ibrahim Alla Ditta

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

ms 74

- A Mempertahankan Tanah Melayu
  - B Mencipta senjata baharu
  - C Menubuhkan Force 136
  - D Mengusir komunis
- 33 Operasi Zipper telah dilancarkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1945. Apakah yang dimaksudkan dengan operasi tersebut?

ms 77

- A Menyebarkan propaganda anti-Jepun
- B Membantu pertahanan pesisiran pantai
- C Melaksanakan tindakan mensabotaj musuh
- D Melancarkan serangan besar-besaran

- 34 Operasi berikut dilakukan oleh Unit Khas Z Australia semasa tentera Bersekutu menentang Jepun di Sarawak.

Operasi Semut

Apakah tujuan pelaksanaan operasi tersebut?

ms 79

- A Menyebarkan risalah
- B Menyediakan ubat-ubatan
- C Membantu mangsa perang
- D Melatih serangan perang gerila

- 35 Mengapakah pentadbiran Jepun membubarkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1942?

ms 80

- A Pemimpin KMM menuntut kemerdekaan
- B Jepun mengalami masalah kewangan
- C KMM bekerjasama dengan British
- D Arahan kepimpinan pusat Jepun

- 36 Apakah peranan Giyu Tai dalam gerakan nasionalisme zaman pendudukan Jepun?

ms 80

- A Menguruskan ekonomi Jepun
- B Menjaga ketenteraman awam
- C Membantu pentadbiran negeri
- D Melancarkan gerakan gerila

- 37 Maklumat berikut berkaitan pentadbiran Jepun di Sarawak.

Orang Melayu dan Iban diberikan jawatan yang lebih tinggi sebagai pegawai daerah yang sebelumnya hanya disandang pegawai British.

Mengapakah Jepun melaksanakan tindakan tersebut?

ms 81

- A Kesedaran politik
- B Permintaan rakyat
- C Kekurangan pegawai
- D Perubahan kepimpinan

- 38 Kelewatan pendaratan semula tentera British selepas Jepun menyerah kalah telah meninggalkan kesan terhadap Tanah Melayu.

Apakah kesan tersebut?

ms 84

- I Kekosongan politik
- II Kemunculan persatuan negeri
- III Pemeriksaan kuasa Raja-raja Melayu
- IV Penguasaan Bintang Tiga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Dato' Onn Jaafar berusaha memulihkan keamanan dan kekacauan ekoran pergaduhan kaum di Batu Pahat selepas Perang Dunia Kedua. Apakah tindakan yang dilaksanakan oleh beliau?

ms 85

- A Melaksanakan darurat
- B Mengatur perundingan
- C Menangkap pemimpin terlibat
- D Menghantar orang perantaraan


40 Apakah kesan pendudukan Jepun ke atas negara kita?

ms 85

- A Keretakan hubungan antara kaum
- B Pemulihan kuasa pemimpin tempatan
- C Kemusnahan pusat pentadbiran
- D Perkembangan ekonomi negara

**PERATURAN PEMARKAHAN  
BAB 3**

NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT	NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT
1	B	52	21	C	65
2	D	52	22	C	66
3	C	52	23	D	68
4	A	53	24	D	68
5	A	53	25	B	68
6	D	54	26	D	70
7	A	56	27	A	70
8	B	57	28	C	71
9	B	57	29	C	71
10	C	58	30	A	71
11	B	58	31	B	73
12	A	58	32	A	74
13	D	59	33	D	77
14	A	59	34	A	79
15	D	60	35	A	80
16	A	60	36	B	80
17	D	62	37	C	81
18	A	63	38	B	84
19	B	64	39	B	85
20	C	64	40	A	85



## BAB 4 ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran yang diperkenalkan oleh British selepas Perang Dunia Kedua.

ms 94

<b>Tempoh</b>	September 1945 hingga April 1946
<b>Ketua</b>	Lord Mountbatten Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu Asia Tenggara

Apakah bentuk pentadbiran tersebut?

- A Malayan Union
  - B Persekutuan Tanah Melayu
  - C Malayan Democratic Union
  - D British Military Administration
- 2 Gambar berikut merupakan peristiwa di Georgetown, Pulau Pinang sempena menyambut kedatangan British pada September 1945.



Sekiranya anda sebagai rakyat yang berada di tempat tersebut, apakah harapan anda kepada British?

ms 94

- A Mengembalikan kuasa sultan
  - B Memulihkan ketenteraman awam
  - C Menubuhkan pasukan keselamatan
  - D Mengisytiharkan darurat di seluruh negara
- 3 Apakah tindakan yang dilakukan oleh British terhadap anggota Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA) pada Disember 1945?
- ms 94
- I Menyediakan tempat tinggal
  - II Memujuk menyerahkan senjata
  - III Meminta membubarkan pasukan
  - IV Memberikan latihan ketenteraan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

4 Penduduk mengalami pelbagai penderitaan pada zaman pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Apakah bentuk penderitaan tersebut?

ms 94

- I Kekurangan ilmu pengetahuan
- II Ketiadaan sumber kewangan
- III Kesukaran mengawal harga barang
- IV Kelemahan sikap pemimpin tempatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Mengapakah British berhasrat memperkenalkan pentadbiran Malayan Union?

ms 97

- I Kerakyatan berdasarkan tempat lahir
- II Kedudukan pemimpin tempatan diakui
- III Konsep Persekutuan telah dibentuk
- IV Kuasa sultan terhad dalam bidang agama

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Maklumat berikut berkaitan dengan pelaksanaan gagasan Malayan Union.

Persatuan Pelajar Britain menghantar memorandum ke Parlimen British pada 25 April 1945.

Apakah isi kandungan memorandum tersebut?

ms 96

- A Memelihara keamanan negara
- B Meminda syarat kewarganegaraan
- C Menamatkan penjajahan kuasa barat
- D Memulihkan kuasa pentadbiran sultan

7

Parlimen British telah meluluskan Kertas Putih 6274 yang mengandungi 13 perkara berkaitan gagasan Malayan Union.

Apakah perkara yang terkandung di dalam kertas tersebut?

ms 96

- A Penentuan bentuk pentadbiran
- B Penubuhan pertubuhan kebangsaan
- C Pembubaran Parti Komunis Malaya
- D Penyertaan Singapura dalam gagasan

8 Siapakah yang mengetuai pentadbiran Malayan Union?

ms 97

- A Ketua Menteri
- B Penasihat British
- C Gabenor British
- D Pesuruhjaya Tinggi

9 Senarai berikut merupakan badan pentadbiran Malayan Union di Tanah Melayu.

- Majlis Eksekutif
- Majlis Perundangan

Siapakah yang bertanggungjawab mengawal badan pentadbiran tersebut?

ms 97

- A Pesuruhjaya Tinggi
- B Gabenor Jeneral
- C Residen British
- D Raja Melayu

10 Apakah ciri perlembagaan pentadbiran Malayan Union yang telah diperkenalkan pada 1 April 1946 di Tanah Melayu?

ms 97

- I Kerakyatan berdasarkan tempat lahir
- II Konsep Persekutuan telah dibentuk
- III Kedudukan pemimpin tempatan diakui
- IV Kuasa sultan terhad dalam bidang agama

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Maklumat berikut menunjukkan tindakan sultan ketika misi mendapatkan tandatangan persetujuan terhadap Malayan Union di Tanah Melayu.

- Cuba melengah-lengahkan masa
- Enggan bersetuju kerana bertentangan dengan undang-undang Tubuh Negeri Terengganu
- Berdebat dengan dengan Sir Harold MacMichael

Apakah kesan tindakan sultan tersebut?

ms 99

- A Dibuang negeri
- B Dibayar ganti rugi
- C Diturunkan takhta
- D Dikenakan paksaan

- 12 Pelaksanaan pentadbiran Malayan Union yang telah diperkenalkan pada 1 April 1946 telah mewujudkan penentangan dalam kalangan Raja-raja Melayu. Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

ms 100

- A Kepincangan adat resam peribumi
- B Kesulitan memperoleh kerakyatan
- C Kehilangan kuasa memerintah
- D Kehancuran tamadun bangsa

- 13 Apakah usaha yang dilakukan oleh Raja-raja Melayu untuk menentang pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu?

ms 101

- I Menerbitkan akhbar Majlis
- II Membiayai Kongres Melayu
- III Memulaukan pelantikan Gabenor
- IV Membuat bantahan di Mahkamah Rayuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 14 Gambar berikut menunjukkan perarakan menentang Malayan Union yang dipimpin oleh Permaisuri Perak.



- Apakah ciri kepimpinan yang dapat dicontohi daripada pemimpin tersebut?

ms 101

- A Bertoleransi
- B Bersikap adil
- C Berpandangan jauh
- D Bersemangat kental

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan akhbar dalam usaha menentang Malayan Union.

Akhbar X
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengutuk Malayan Union kerana merugikan orang Melayu</li> <li>• Menyeru diadakan perhimpunan besar-besaran</li> </ul>

Apakah X?

ms 102

- A Warta Negara
- B Fajar Sarawak
- C Majalah Guru
- D Lembaga Melayu

- 16 Senarai berikut menunjukkan persatuan yang membantah pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu.

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persatuan Melayu Johor</li> <li>• Persatuan Melayu Kedah</li> <li>• Persatuan Melayu Selangor</li> </ul>
---

Apakah kejayaan yang diperoleh daripada bantahan persatuan tersebut?

ms 103

- A Menyegerakan kemerdekaan
- B Menubuhkan Parti Perikatan
- C Memelihara warisan tradisi
- D Menyatukan orang Melayu

- 17 Senarai berikut merupakan tokoh yang berjasa kepada negara kita.


Tokoh
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dato' Onn Jaafar</li> <li>• Zainal Abidin Ahmad</li> <li>• Tunku Abdul Rahman</li> </ul>

Apakah persamaan perjuangan tokoh tersebut?

ms 105

- A Memartabatkan bahasa Melayu
- B Membentuk badan induk UMNO
- C Menentang British secara radikal
- D Menyertai rombongan ke London

18 Pertubuhan berikut ditubuhkan bertujuan menentang Malayan Union pada tahun 1946.



Apakah usaha yang dilakukan untuk mencapai tujuan tersebut?

ms 105

- A Mengadakan tempoh berkabung
- B Membawa kes ke Mahkamah Tinggi
- C Mendesak ke arah berkerajaan sendiri
- D Mengukuhkan perpaduan orang Melayu

19 Senarai berikut berkaitan dengan reaksi penentangan rakyat di Tanah Melayu terhadap Malayan Union.

- Menganjurkan Kongres Melayu
- Membuat bantahan melalui akhbar
- Mengadakan rapat umum di bandar besar

Apakah tindakan yang dilakukan oleh British berdasarkan reaksi tersebut?

ms 102-106

- A Memperkenalkan konsep Persekutuan
- B Mengekalkan syarat kewarganegaraan
- C Mengiktiraf sultan sebagai Ketua Negara
- D Melaksanakan proses berkerajaan sendiri

20 Jadual berikut merujuk kepada perubahan pentadbiran di Sarawak.

Sebelum Perang Dunia Kedua	Selepas Perang Dunia Kedua
Negeri Naungan	Tanah Jajahan

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

ms 107

- A Mengukuhkan kedudukan pemerintah
- B Melatih penduduk berkerajaan sendiri
- C Membanteras ancaman komunis
- D Mengatasi masalah kewangan

21 Jadual berikut menunjukkan perkembangan pemerintahan di Sarawak.

Tahun	Pemerintahan
1841	Keluarga Brooke
1941	Negara Jepun
1945	<b>X</b>
- B Penyatuan antara negeri
- C Pelantikan Perdana Menteri
- D Pengenalan raja berpelembagan

13 Durbar ditubuhkan seiring dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Apakah peranan institusi tersebut?

ms 42

- A Membincangkan hal ehwal pentadbiran
- B Mendapatkan kuasa pemerintahan
- C Menentukan undang-undang
- D Menjaga kedudukan Islam

14 Siapakah yang mempengerusi Majlis Sultan-Sultan semasa Malayan Union 1946?

ms 43

- A Sultan
- B Residen
- C Gabenor
- D Ketua Setiausaha

15 Bagaimanakah Majlis Sultan-Sultan dibentuk?

ms 43

- A Peruntukkan Perlembagaan Malayan Union
- B Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
- C Perlembagaan Rakyat
- D Majlis Raja-Raja

16 Mengapakah Majlis Sultan-Sultan gagal dilaksanakan pada tahun 1946?

ms 43

- A Pendudukan Jepun
- B Perbelanjaan yang tinggi
- C Penentangan orang tempatan
- D Bantahan Raja-Raja Melayu

17 Maklumat berikut berkaitan dengan Majlis Raja-Raja Melayu 1948.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengerusi mesyuarat ditentukan oleh Majlis Raja-Raja</li> <li>• 9 orang ahli</li> <li>• Penyimpan Mohor Besar akan menyertai persidangan</li> <li>• X</li> </ul> |
|---|

Apakah X?

ms 43

- A Memilih Yang di-Pertuan Agong
- B Membincangkan undang-undang Islam
- C Mengetahui dasar Kerajaan Persekutuan
- D Menasihati gabenor dalam pentadbiran

18 Maklumat berikut berkaitan dengan keanggotaan Majlis Raja-Raja Melayu.


<b>1948</b>	<b>9 orang sultan</b>
<b>1957</b>	9 orang sultan dan Yang di-Pertua Melaka dan Pulau Pinang
<b>1963</b>	Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak

Mengapakah Yang di-Pertua Negeri menjadi ahli dalam majlis tersebut?

ms 43

- A Mengetuai jawatan tertentu
- B Mewakili negeri yang tiada sultan
- C Memperkenalkan undang-undang negeri
- D Memperkenankan sempadan negeri

19 Gambar berikut merupakan Mohor Besar Raja-Raja Melayu yang disimpan oleh Penyimpan Mohor Raja-Raja.



Apakah peranan mohor tersebut?

ms 44

- A Mengesahkan dokumen rasmi
- B Meminda undang-undang
- C Menyelesaikan pertikaian
- D Menubuhkan kerajaan

20 Apakah fungsi Majlis Raja-Raja?

ms 44

- I Memilih Perdana Menteri
- II Melantik Jemaah Menteri
- III Memilih Yang di-Pertuan Agong
- IV Memperkenankan pindaan perlembagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21 Raja-raja berperanan mengimbangi kuasa eksekutif dalam sistem demokrasi. Bagaimanakah peranan ini dilaksanakan?

ms 45

- A Membincangkan dasar negara
- B Meluluskan undang-undang
- C Menjadi ahli parti politik
- D Mengampunkan kesalahan

22 Majlis Raja-Raja memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu. Apakah jawatan tersebut?

ms 45

- A Peguam Negara
- B Ketua Polis Negara
- C Ketua Hakim Negara
- D Panglima Angkatan Tentera

23 Siapakah yang melantik Menteri dan Timbalan Menteri?

ms 48

- A Majlis raja-raja
- B Perdana Menteri
- C Sultan bagi setiap negeri
- D Yang di-Pertuan Agong

24 Tokoh berikut, mempunyai pengalaman yang luas dan dilantik sebagai Menteri Kewangan Malaysia.



Datuk Seri Utama  
Tengku Zafrul Aziz

Apakah faktor membolehkan beliau dilantik?

ms 48

- A Ahli Dewan Negara
- B Menang pilihanraya
- C Kaedah penggiliran
- D Ahli parti politik

25 Senarai berikut merupakan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong

- Kuasa Esekutif
- Kuasa Perundangan
- X

Apakah X ?

ms 49


- A Kuasa politik
- B Kuasa ekonomi
- C Kuasa Parlimen
- D Kuasa Kehakiman

26 Yang di-Pertuan Agong berkuasa mengisytiharkan darurat di negara kita. Apakah kepentingan pengisytiharan tersebut?

ms 49

- A Menjaga hak peribumi
- B Menjamin keselamatan negara
- C Meningkatkan ekonomi negara
- D Mewujudkan pakatan ketenteraan

27 Rajah berikut merujuk kepada ciri-ciri demokrasi yang menjadi amalan di negara kita.



Apakah X?

ms 50


- A Kewangan
- B Pilihan raya
- C Keselamatan
- D Kebudayaan

28 Bagaimanakah ahli Dewan Rakyat dipilih?

ms 53

- A Melalui pilihan raya
- B Melalui Majlis Raja-raja
- C Melalui badan eksekutif
- D Melalui badan perundangan

29 Rajah berikut berkaitan dengan pengubalan undang-undang di Malaysia.




Apakah X?

ms 53

- A Kabinet Negeri
- B Majlis Mesyuarat Negeri
- C Dewan Undangan Negeri
- D Dewan Negara

30 Rajah berikut berkaitan dengan komponen yang terdapat dalam Parlimen.



Apakah tugas ahli Dewan Negara?

ms 53

- A Mentafsir perlembagaan
- B Mengubal undang-undang
- C Membahaskan rang undang-undang
- D Melaksanakan dasar kerajaan

- 31 Apakah tindakan menteri yang tidak bersetuju dengan dasar-dasar kerajaan? ms 54
- A Membuat laporan polis
  - B Meletakkan jawatan
  - C Melompat parti politik
  - D Menggunakan media sosial

- 32 Jadual berikut berkaitan badan yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut perlembagaan.

Persekutuan	Negeri
Jemaah Menteri	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Apakah Badan Eksekutif di Sarawak dan Sabah?

- ms 54
- A Majlis Council
  - B Kabinet Negeri
  - C Majlis Undangan
  - D Majlis Mesyuarat kerajaan
- 33 Apakah tindakan Sultan Muhammad II untuk melancarkan urusan pentadbiran Kerajaan Kelantan pada abad ke-19? ms 54
- A Sistem Jemaah Menteri
  - B Majlis Mesyuarat Kerajaan
  - C Majlis Undangan Negeri
  - D Exco Kerajaan Negeri

- 34 Siapakah yang mengetuai Badan Kehakiman di Malaysia? ms 54

- A Ketua Menteri
- B Jemaah Menteri
- C Perdana Menteri
- D Ketua Hakim Negara

- 35 Siapakah yang terlibat dalam penggubalan undang-undang Islam di Malaysia? ms 55

- A Ahli Dewan Rakyat
- B Majlis Agama Islam Negeri
- C Jabatan Agama Islam Malaysia
- D Ahli Dewan Undangan Negeri

- 36 Apakah tugas Badan Kehakiman di Malaysia? ms 55

- I Mentafsir undang-undang
- II Membahaskan undang-undang
- III Menguatkuasa undang-undang
- IV Mempertahankan perlembagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 37 Antara berikut, yang manakah merupakan mahkamah peringkat negeri? ms 55
- I Mahkamah Atasan
  - II Mahkamah Syariah
  - III Mahkamah Anak Negeri
  - IV Mahkamah Rayuan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 38 Bagaimanakah pertikaian di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan diselesaikan? ms 55
- A Merujuk Dewan Negara
  - B Mendengar pandangan Sultan
  - C Mendapat nasihat Majlis Raja-Raja
  - D Ketua Hakim menjadi kuasa pemutus
- 39 Mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran penting bagi mewujudkan kestabilan sistem pentadbiran negara. Bagaimanakah perkara ini dilaksanakan? ms 55
- A Sokongan Majlis Raja-Raja
  - B Desakan badan bukan kerajaan
  - C Penguatkuasaan undang-undang
  - D Pengamalan Demokrasi Berparlimen
- 40 Mengapakah permuafakatan parti politik penting sebelum menghadapi sesuatu pilihan raya? ms 57
- A Menjadi syarat pencalonan
  - B Merupakan tradisi dalam politik
  - C Masyarakat yang berbilang kaum
  - D Memudahkan semak dan imbang

**PERATURAN PEMARKAHAN  
BAB 3**

NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT	NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT
1	A	38	21	A	45
2	B	38	22	C	45
3	B	39	23	D	48
4	D	39	24	A	48
5	B	39	25	D	49
6	C	39	26	B	49
7	C	39	27	B	50
8	A	40	28	A	53
9	D	40	29	C	53
10	B	41	30	C	53
11	C	41	31	B	54
12	A	41	32	B	54
13	A	42	33	A	54
14	C	43	34	D	54
15	A	43	35	D	54
16	D	43	36	B	55
17	C	43	37	C	55
18	B	43	38	D	55
19	D	44	39	D	55
20	D	44	40	C	57

“ Tidak penting dari mana kita  
bermula, yang penting di  
mana kita berakhir ”

## BAB 4 SISTEM PERSEKUTUAN

- 1 Senarai berikut merupakan wilayah yang disatukan sebagai Konfederasi Seri Menanti, Negeri Sembilan 1895.

- Luak Tampin
- Rembau
- Seri Menanti

Apakah maksud konfederasi ?

ms 66

- A Penyatuan beberapa negara
- B Persamaan latarbelakang bangsa
- C Pembentukan kerajaan pusat
- D Gabungan negeri-negeri berdaulat

- 2 Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan. Apakah maksud Persekutuan?

ms 66

- A Mengutamakan institusi beraja
- B Mengamalkan sistem demokrasi
- C Melaksanakan dasar dekolonisasi
- D Menggabungkan beberapa buah negeri

- 3 Apakah ciri keistimewaan dalam sistem Persekutuan?

ms 66

- A Pengagihan kuasa
- B Penubuhan Parlimen
- C Pelaksanaan pilihan raya
- D Pengamalan sistem demokrasi

- 4 Siapakah yang dilantik sebagai ketua Persekutuan Tanah Melayu 1948?

ms 67

- A Residen
- B Gabenor
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Pesuruhjaya Tinggi British

- 5 Maklumat berikut berkaitan sistem pentadbiran semasa pemerintahan British di Tanah Melayu.

1896	1946
Negeri-Negeri Melayu Bersekutu	Malayan Union

ms 66-67

Apakah persamaan pentadbiran tersebut?

- A Dikuasai oleh British
  - B Sistem birokrasi diamalkan
  - C Undang-undang disahkan oleh raja
  - D Mendapat nasihat Majlis Mesyuarat Negeri
- 6 Pilih padanan yang betul berkaitan Kerajaan Persekutuan.

ms 66-67

	Pentadbiran	Ketua
A	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu	Residen Jeneral
B	Malayan Union	Pesuruhjaya Tinggi
C	Persekutuan Tanah Melayu 1948	Gabenor
D	Persekutuan Malaysia	Yang di-Pertuan Agong

- 7 Maklumat berikut berkaitan latar belakang sistem pentadbiran di negara kita.

Tarikh	Peristiwa
1896	Negeri-negeri Melayu Bersekutu ditubuhkan

Apakah kepentingan peristiwa tersebut kepada negeri-negeri Melayu?


ms 66

- A Pembentukan sebuah persekutuan
  - B Penguatan kerajaan negeri
  - C Pemimpin kehilangan kuasa
  - D Pentadbiran melalui biro
- 8 Mengapakah British memperkenalkan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada tahun 1927?

ms 67

- I Mengukuhkan kedudukan
  - II Memperkemaskan pentadbiran
  - III Membentuk kerajaan pusat
  - IV Mewujudkan pengagihan kuasa
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 9 Rajah berikut menunjukkan perubahan sistem pentadbiran di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.



Mengapa berlaku perubahan tersebut?

ms 67

- A Persekutuan ditubuhkan
- B Penentangan orang Melayu
- C Pengamalan sistem demokrasi
- D Perkembangan politik radikal


- 10 Apakah kepentingan peristiwa tersebut kepada negara ?

Tarikh	Peristiwa
1999	Perpindahan pentadbiran dari Kuala Lumpur ke Putrajaya.

ms 67

- A Meningkatkan imej negara kepada dunia
- B Menunjukkan kebanggaan senibina negara
- C Memudahkan pembangunan wilayah koridor
- D Membentuk pusat pentadbiran yang sistematik

- 11 Rajah berikut berkaitan sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1948.



Apakah X?

ms 67

- A Malayan Union
- B Persekutuan Tanah Melayu
- C Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
- D Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu

- 12 Bagaimanakah Raja-raja Melayu mentadbir negeri berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

ms 67

- A Mendapatkan nasihat residen
- B Menggunakan kuasa mutlak
- C Penggubalan undang-undang
- D Berdasarkan perlembagaan negeri

13 Apakah kebaikan pengenalan sistem pemerintahan berikut kepada rakyat Malaysia hari ini?

Tarikh	Peristiwa
1957	Pengamalan Demokrasi berparlimen

ms 67

- A Pembahagian kuasa lebih adil
- B Pemerintah dipilih oleh rakyat
- C Pentadbiran lebih sistematik
- D Pengukuhan sistem persekutuan

14 Maklumat berikut berkaitan latar belakang sistem pentadbiran negara.


Tarikh	Peristiwa
16 September 1963	Gabungan 11 buah negeri Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.

Apakah nama gabungan tersebut?

ms 67

- A Melayu Raya
- B Malaysia
- C Borneo
- D Kalimantan Utara

15 Rajah berikut menunjukkan tiga peringkat pentadbiran dalam kerajaan Malaysia.



Apakah X?

ms 68

- A Jajahan
- B Bahagian
- C Residen
- D Tempatan

- 16 Mengapakah peruntukan kuasa lebih besar diberikan kepada kerajaan Persekutuan?  
ms 68
- I Menjamin kestabilan negara
  - II Menarik kedatangan pelancong luar
  - III Memudahkan pembangunan tanah
  - IV Membentuk sebuah kerajaan yang kuat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 17 Apakah perkara yang terkandung dalam Senarai Persekutuan mengikut Perlembagaan Malaysia?  
ms 69
- A Kebajikan awam
  - B Kerajaan tempatan
  - C Kebudayaan dan sukan
  - D Keselamatan dalam negara
- 18 Antara yang berikut, perkara manakah yang terkandung dalam Senarai Negeri?  
ms 70
- I Undang-undang Islam
  - II Pertanian dan perhutanan
  - III Pendidikan
  - IV Pertahanan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 19 Apakah institusi yang menggubal undang-undang dalam senarai berikut ?  
ms 70
- Pertanian
  - Tanah
  - Islam
- A Parlimen
  - B Dewan Negara
  - C Dewan Rakyat
  - D Dewan Undangan Negeri

- 20 Gambar berikut berkaitan dengan kesan bencana alam sekitar yang berlaku di negeri Pahang pada tahun 2022.



ms 70

Siapakah pihak yang bertanggungjawab menangani masalah tersebut?

- A Kerajaan negeri dan kerajaan tempatan
  - B Kerajaan Persekutuan dan kerajaan tempatan
  - C Kerajaan tempatan dan Majlis daerah
  - D Kerajaan Negeri dan Persekutuan
- 21 Antara berikut, manakah perkara yang terletak dalam Senarai Bersama?

ms 70

- I Pelajaran
- II Perumahan
- III Kebudayaan dan sukan
- IV Keselamatan dalam negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 22 Senarai berikut merupakan tambahan pada senarai negeri bagi Sarawak dan Sabah.

- Undang-undang dan adat anak negeri
- Kereta api di Sabah
- X

Apakah X?

ms 70

- A Pengawalan makhluk perosak
- B Mahkamah Anak Negeri
- C Penyelidik Pertanian
- D Perlindungan haiwan liar

23 Maklumat berikut berkaitan peranan pentadbiran Kerajaan Malaysia.

- Membangunkan perumahan awam
- Menyediakan perkhidmatan kecemasan

Apakah peringkat pentadbiran yang menjalankan peranan tersebut?

ms 71

- A Kerajaan Pusat
- B Kerajaan Tempatan
- C Kerajaan Daerah
- D Kerajaan Negeri

24 Bagaimanakah Kerajaan Tempatan boleh mengurangkan masalah banjir di tempat anda?

ms 71

- A Menyelenggara sistem saliran
- B Membangunkan bandar baru
- C Menyediakan pasukan bantuan
- D Mengindahkan kawasan kampung


25 Selepas tahun 1970, Kerajaan Persekutuan membuka kawasan yang lebih luas di beberapa buah negeri.

ms 72

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Menjaga kawalan sempadan
- B Menghapuskan kemiskinan bandar
- C Membangunkan wilayah baharu
- D Meningkatkan pembangunan industri

26 Rajah berikut menerangkan peranan FELDA dalam kesejahteraan kepada rakyat.



Bagaimanakah usaha tersebut memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri?

ms 72

- A Memajukan koridor wilayah
- B Membangunkan perumahan
- C Meningkatkan kemajuan ekonomi
- D Meningkatkan pengeluaran makanan

27 Berikut adalah badan berkanun yang ditubuhkan bagi menjayakan pembangunan sosioekonomi negara.

- Lembaga Penyatuan Tanah dan Pemuliharaan Tanah Persekutuan (FELCRA)
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Apakah faktor kejayaan badan tersebut?

ms 72

- A Keberkesanan Dasar Pertanian Negara
- B Kemajuan teknologi moden dalam pertanian
- C Kepelbagaian kemudahan asas di luar bandar
- D Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

28 Apakah maksud pembangunan In-Situ?

ms 72

- A Menyelaras kemajuan wilayah
- B Menekankan pembangunan fizikal desa
- C Membangunkan perumahan kos rendah
- D Menstrukturkan semula lokasi penempatan

29 Selepas tahun 2005, kerjasama sosioekonomi dilaksanakan melalui Pembangunan Koridor Wilayah.

Mengapakah rancangan tersebut dilaksanakan?

ms 73

- A Memulihkan kawasan tanah terbiar
- B Membangunkan kawasan perindustrian
- C Meningkatkan daya saing antara kawasan
- D Membangunkan wilayah yang kurang pesat

30 Mengapakah kerajaan menubuhkan agensi berikut?

- Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
- Lembaga Pemuliharaan Tanah Sarawak (SALCRA)
- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)

ms 73

- A Membangunkan wilayah baharu
- B Menyeimbangkan pembangunan negeri
- C Memajukan tanah secara berkelompok
- D Memperhebatkan pembukaan tanah

31 Apakah tujuan penubuhan agensi berikut?

- KETENGAH
- PERDA
- KESEDAR

ms 73

- A Meluaskan wilayah baharu
- B Menggabungkan tanah-tanah kampung
- C Memulihkan kawasan produktiviti rendah
- D Membangunkan kawasan bandar

32 Maklumat berikut berkaitan kerjasama Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Tahun	Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah	Wilayah Liputan
2007	Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau Esat Coast Economic Region (ECER)	Pahang, Terengganu, Kelantan, Daerah Mersing, Johor.

Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat tersebut?

ms 73

- A Menghantar tenaga pakar
- B Menyalurkan kewangan
- C Melatih buruh asing
- D Menyediakan tanah

33 Bagaimanakah kerajaan mengekalkan warisan flora dan fauna negara?

ms 74

- I Memperbanyakkan aktiviti penanaman semula
  - II Mempergiatkan pelibatan agensi swasta
  - III Menubuhkan Jabatan Taman Laut Malaysia
  - IV Memperkenalkan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

34 Apakah usaha kerajaan bagi memulihara khazanah laut di negara kita?

ms 75

- A Menguatkuasakan undang-undang
- B Memperbanyakkan aktiviti penyelidikan
- C Membentuk dasar pengurusan taman laut
- D Memberikan insentif kepada kerajaan negeri

35 Apakah matlamat pembinaan projek perumahan berikut?

Program Perumahan Rakyat (PPR)

ms 77

- A Membina perumahan kos rendah
- B Membangunkan kampung baharu
- C Mendirikan rumah mampu milik
- D Membasmi kemiskinan

36 Antara yang berikut, yang manakah merupakan usaha kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan?

ms 77

- I Program Perumahan Rakyat (PPR)
  - II Perumahan 1Malaysia (PR1MA)
  - III Pembinaan Rumah Mesra Rakyat
  - IV Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

37 Apakah institusi yang menyelaras kementerian berikut?

- Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- Kementerian Pertahanan (KEMENTAH)

ms 78

- A Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- B Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- C Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
- D Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO)

38 Apakah tujuan penubuhan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) pada tahun 2013?

ms 78

- A Membangunkan infrastruktur
- B Membina petempatan baharu
- C Menjaga keselamatan rakyat
- D Memajukan kawasan perairan

39 Apakah majlis yang ditubuhkan untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

ms 81

- I Majlis Persekutuan Negeri
- II Majlis Khazanah Nasional
- III Majlis Kewangan Negara
- IV Majlis Tanah Negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


40 Bagaimanakah penyelarasan pentadbiran antara kerajaan persekutuan dengan Kerajaan Negeri berlaku?

ms 80


- A Persidangan dwi tahunan
- B Lawatan kerja secara berkala
- C Pertukaran antara pegawai kerajaan
- D Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri

**PERATURAN PEMARKAHAN  
BAB 4**

NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT	NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT
1	D	66	21	C	70
2	D	66	22	B	70
3	A	66	23	B	71
4	D	67	24	A	71
5	A	66-67	25	C	72
6	D	65-67	26	C	72
7	A	66	27	D	72
8	A	67	28	B	72
9	B	67	29	D	73
10	D	67	30	A	72
11	B	67	31	A	72
12	D	67	32	D	73
13	B	67	33	D	73
14	B	67	34	C	75
15	D	68	35	D	77
16	B	68	36	B	77
17	D	69	37	B	78
18	A	70	38	C	78
19	D	70	39	C	80
20	D	70	40	D	80



**BAB 5**  
**PEMBENTUKAN MALAYSIA**

- 1 Mengapakah British mengemukakan idea penyatuan wilayahnya di Asia Tenggara? ms 91
- A Memupuk perpaduan
  - B Melakukan imperialisme
  - C Melaksanakan pembaharuan
  - D Memudahkan pentadbiran
- 2 British menyokong rancangan pembentukan Malaysia kerana menyesuaikan dengan dasar dekolonisasi. Apakah maksud dekolonisasi? ms 91
- A Menamatkan darurat
  - B Kuasa autonomi negeri
  - C Proses berkerajaan sendiri
  - D Menghapuskan pemerintahan beraja
- 3 Mengapakah tokoh berikut mencadangkan penggabungan semua tanah jajahan British di Asia Tenggara?
- 

Sir Malcolm MacDonald.
- ms 91
- A Menjamin keselamatan
  - B Menambah pendapatan negara
  - C Membentuk satu entiti politik
  - D Memupuk perpaduan kaum
- 4 Mengapakah Sir Gerald Templer meminta pembentukan Malaysia disegerakan ? ms 91
- A Mengekalkan sistem pemerintahan beraja
  - B Membendung pengaruh komunis
  - C Meningkatkan taraf hidup rakyat
  - D Mengawal kemasukan imigran

5 Berikut adalah Pegawai Tinggi British yang berkhidmat di Tanah Melayu pada abad ke-20.

- Sir Gerald Templer
- Sir Geofroy Tory

Apakah persamaan tokoh tersebut?

ms 91

- A Mencadangkan penggabungan wilayah
- B Merancang pengasingan kuasa
- C Menganggotai Suruhanjaya Cobbold
- D Membubarkan Dewan Parlimen British

6 Tokoh berikut turut mengemukakan idea pembentukan penyatuan wilayah di Asia Tenggara.



Dr. Burhanuddin al-Helmy

Apakah yang beliau perjuangkan?

ms 92

- A Melayu Raya
- B Malaysian Malaysia
- C Borneo Utara
- D Indonesia Raya

- 7 Gambar berikut adalah majalah yang diterbitkan di Tanah Melayu pada tahun 1906.



Apakah seruan majalah tersebut?

ms 92

- A Membantah pengasingan kuasa
  - B Menggesa penyatuan orang Melayu
  - C Menganggotai Suruhanjaya Cobbold
  - D Membubarkan Dewan Parlimen British
- 8 Idea berikut telah diperjuangkan oleh nasionalis radikal di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

**Melayu Raya**

Apakah tujuan perjuangan tersebut?

ms 92

- A Memperoleh kemerdekaan
  - B Menyekat pengaruh komunis
  - C Mengukuhkan perpaduan kaum
  - D Melaksanakan sistem demokrasi
- 9 Apakah cadangan Tunku Abdul Rahman terhadap terhadap idea pembentukan Malaysia?

ms 92

- A Mengasingkan Brunei
  - B Memasukkan Sabah dan Sarawak
  - C Menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia
  - D Menggabungkan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei
- 10 Apakah tujuan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mencadangkan Singapura menyertai Persekutuan Tanah Melayu?

ms 93

- A Mengukuhkan ekonomi
- B Meningkatkan perpaduan
- C Membendung ancaman komunis
- D Menstabilkan politik serantau

11 Rajah berikut menunjukkan rasional idea pembentukan Malaysia.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempercepat kemerdekaan</li> <li>• Pembangunan wilayah</li> <li>• X</li> </ul> |
|---|

Apakah X?

ms 93

- A Mengelakkan campur luar
- B Menggalakan kemasukan modal asing
- C Mengimbangi komposisi penduduk
- D Memenuhi desakan penduduk tempatan

12 Apakah parti politik di Tanah Melayu yang menyokong idea pembentukan Malaysia?

ms 95

- A SUPP
- B PESAKA
- C BARJASA
- D UMNO

13 Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) telah berjaya mengubah pendirian parti politik di Sarawak daripada menentang kepada menyokong idea gagasan Malaysia.

Apakah parti tersebut?

ms 96

- A SNAP
- B PESAKA
- C BARJASA
- D SUPP

14 Senarai berikut merupakan parti politik yang terdapat di Sabah.

Parti
UNKO
USNO
SCA

Apakah persamaan parti tersebut?

ms 96

- A Menuntut wilayah asing
- B Menganjurkan rapat umum
- C Menyokong pembentukan Malaysia
- D Menghantar surat bantahan ke London

15 Mengapakah Presiden Diosdado Pangan Macapagal dari Filipina menentang pembentukan Malaysia?

ms 97

- A Menentang penjajahan baru
- B Dinafikan hak memegang jawatan
- C Menuntut wilayah Sabah
- D Dipengaruhi anasir komunis

- 16 Tokoh berikut telah mengadakan lawatan ke Sarawak dan Sabah semasa proses pembentukan Malaysia.



Dr Burhanuddin al-Helmi



Tun Ghafar Baba

Apakah iktibar yang diperolehi daripada usaha mereka?

ms 98

- A Kecekapan menjalankan tugas  
 B Kemampuan mengekalkan kuasa  
 C Kesepakatan menyelesaikan masalah  
 D Kebijaksanaan mendapatkan sokongan
- 17 Apakah tindakan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj selepas peristiwa berikut?

TARIKH	PERISTIWA
16 Oktober 1961	Usul pembentukan Malaysia diluluskan oleh ahli Dewan Rakyat.

ms 98

- A Membentuk kerjasama politik  
 B Membubarkan Parlimen  
 C Melantik kabinet baharu  
 D Mengadakan lawatan
- 18 Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan pada 23 Julai 1961 semasa Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura. Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut?

ms 99

- A Mengumpul pandangan tentang pembentukan Malaysia  
 B Menyedia rangka perlembagaan Persekutuan Malaysia  
 C Mencadangkan kuasa autonomi kepada Sabah dan Sarawak  
 D Mengekalkan kuasa imigresen kepada Sabah dan Sarawak
- 19 Siapakah yang dilantik menjadi pengerusi Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ?

ms 99

- A Sir David Watherston  
 B Donald Stephens  
 C Sir Anthony Abell  
 D Temenggung Jugah Anak Barieng

20 Rajah berikut berkaitan usaha pembentukan Persekutuan Malaysia.



ms100

Apakah X?

- A Suruhanjaya Reid
- B Jawatankuasa Eksekutif
- C Suruhanjaya Cobbold
- D Majlis Perundingan Persekutuan

21 Apakah keputusan yang dicapai dalam rundingan London pada bulan November 1961?

ms 100

- A Membentuk suruhanjaya
- B Meluluskan peruntukkan kewangan
- C Menggubal perlembagaan baharu
- D Merangka kerjasama ekonomi

22 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku pada tahun 1963.

- Referendum Singapura
- Siri lawatan
- Suruhanjaya Cobold

Mengapakah usaha berikut dilaksanakan?

ms 100

- A Menuntut kemerdekaan negara
- B Menubuhkan gagasan Malaysia
- C Menetapkan taraf kewarganegaraan
- D Merangka perlembagaan baharu

23 Rundingan antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura telah bersetuju satu referendum diadakan pada bulan September 1962.

Apakah tujuan referendum tersebut?

ms 100

- A Mendapat maklum balas penduduk
- B Menyelaras Jawatankuasa Eksekutif
- C Merangka bentuk bantuan ekonomi
- D Memilih ahli Majlis Perundangan

24 Suruhanjaya berikut telah dibentuk secara rasminya pada bulan Januari 1962.

<b>Ahli Suruhanjaya Cobbold</b>
---------------------------------

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakil kerajaan British</li> <li>• Wakil Persekutuan Tanah Melayu</li> </ul> |
|--|

Apakah tugas suruhanjaya tersebut?

ms 100

- I Merangka perlembagaan
- II Membuat program penerangan
- III Melawat pusat lawatan
- IV Menyediakan laporan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Gambar berikut menunjukkan anggota Suruhanjaya Cobbold yang dibentuk secara rasmi pada bulan Januari pada 1962.



Siapakah tokoh tempatan yang dilantik menganggotai suruhanjaya tersebut?

ms 100

- A Lee Kuan Yew
- B Tun Abdul Razak
- C Tunku Abdul Rahman
- D Muhammad Ghazali Shafie

26 Jawatankuasa berikut telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1962.

<b>Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)</b>
---

Apakah peranan jawatankuasa tersebut?

ms 102

- A Menarik pelaburan asing
- B Membuat kempen penerangan
- C Merangka perlembagaan baharu
- D Menguruskan proses pilihanraya

27 Senarai berikut merujuk kepada Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK).

Jawatankuasa Kecil JAK
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlembagaan</li> <li>• Kewangan</li> <li>• <b>X</b></li> <li>• Perundangan dan Kehakiman</li> </ul>

Apakah **X**?

ms 102

- A Kebajikan sosial
- B Kewangan
- C Dasar luar
- D Kesihatan Awam

28 Antara berikut, yang manakah merupakan inti pati Perjanjian Malaysia 1963?

ms 103

- I British mengiktiraf hak Filipina ke atas Sabah
- II Brunei dan Singapura sebahagian Malaysia
- III Pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963
- IV Kelebihan Sarawak menubuhkan kabinet negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Apakah prinsip utama Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement (MA63) yang ditandatangani pada Julai 1963?

ms 103

- A Pemerintahan raja berkuasa mutlak
- B Pengagihan kerusi Parlimen sama rata
- C Perhubungan luar di bawah kuasa negeri
- D Pengiktirafan hak yang sama semua negeri

30 Maklumat berikut adalah kandungan dokumen yang ditandatangani oleh kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura pada tahun 1963.

- Sarawak, Sabah dan Singapura diterima sebagai ahli dalam Persekutuan Malaysia.
- Kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura diiktiraf.
- Memberi autonomi kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri.

Apakah dokumen tersebut?

ms 103

- A Persekutuan Tanah Melayu
- B *Malaysia Agreement* (MA63)
- C Pembebasan Sabah dan Sarawak
- D Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

- 31 Perjanjian Malaysia 1963 telah memperuntukkan tempoh peralihan masa bagi bidang tertentu di Sabah dan Sarawak. Apakah bidang tersebut? ms 103
- A Kesihatan penduduk
  - B Pentadbiran awam
  - C Pertahanan negeri
  - D Kebudayaan tempatan
- 32 Tarikh asal pembentukan Malaysia 31 Ogos 1963 ditangguhkan kepada 16 September 1963. Mengapakah situasi ini berlaku? ms 104
- A Pembubaran Parlimen Tanah Melayu
  - B Kelewatan laporan Setiausaha PBB
  - C Pemisahan Singapura dari Malaysia
  - D Tindakan ketenteraan Indonesia
- 33 Peristiwa pengisytiharan Malaysia telah dilakukan secara serentak pada 16 September 1963. Di manakah pengisytiharan tersebut dibuat ? ms 104
- I Kuala Lumpur
  - II Singapura
  - III Brunei
  - IV Sarawak
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 34 Siapakah yang diberi tanggungjawab mengumumkan pengisytiharan Malaysia di Sabah? ms 105
- A Datu Mustapha Datu Harun
  - B Tunku Abdul Rahman Putra
  - C Tunku Abdul Razak Hussein
  - D Muhammad Ghazali Shafie
- 35 Mengapakah Indonesia melancarkan konfrontasi? ms 106
- A Menuntut wilayah Sabah
  - B Mengancam kedudukan Indonesia
  - C Mengurangkan kuasa politik Melayu
  - D Menggagalkan konsep Melayu Raya
- 36 Siapakah yang mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia pada 20 Januari 1963? ms 106
- A Soekarno
  - B Suharto
  - C Dr. Subandrio
  - D Adam Malik

37 Mengapakah Parti Komunis Indonesia (PKI) menentang gagasan Malaysia?

ms 106

- A Neokolonialisma baru
- B Tiada persetujuan Belanda
- C Sumber ekonomi terancam
- D Kehilangan jawatan dalam kerajaan

38 Maklumat berikut berkaitan peristiwa penentangan Indonesia terhadap Malaysia.

- Tentera Indonesia mendarat di Tebedu, Sarawak.
- Tembak menembak antara tentera di Kalabakan, Sabah.
- 30 Gerila Indonesia mendarat di Labis, Johor.

Bagaimanakah Malaysia menangani isu tersebut?

ms106

- A Mendesak campur tangan asing
- B Melancarkan sekatan ekonomi
- C Meningkatkan kekuatan persenjataan
- D Membawa usul ke Majlis Keselamatan

39 Tun Abdul Razak Hussein menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia di Jakarta pada 11 Ogos 1966. Apakah kesan perjanjian tersebut?

ms 109

- A Hari Malaysia diisytiharkan
- B Hubungan diplomatik terputus
- C Konflik bersenjata tercetus
- D Tamatnya dasar konfrontasi

40 Gambar berikut berkaitan majlis menandatangani Perjanjian Normalisasi di Jakarta pada 11 Ogos 1966.



Apakah kepentingan perjanjian tersebut?

ms 109

- A Pengukuhan hubungan diplomatik
- B Penetapan sempadan perairan
- C Persefahaman dalam budaya
- D Penyelarasan kadar cukai

**PERATURAN PEMARKAHAN  
BAB 5**

NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT	NO. SOALAN	KUNCI	MUKA SURAT
1	D	90	21	A	100
2	C	91	22	B	100
3	C	91	23	A	100
4	B	91	24	D	100
5	A	91	25	D	100
6	A	92	26	C	102
7	B	92	27	B	102
8	A	92	28	D	103
9	D	92	29	D	103
10	C	93	30	B	103
11	C	93	31	B	103
12	D	95	32	B	104
13	A	96	33	A	104
14	C	96	34	A	105
15	C	97	35	B	106
16	C	98	36	C	106
17	D	98	37	A	106
18	A	99	38	D	106
19	B	99	39	D	109
20	C	100	40	A	109

“ Perkara yang paling utama  
untuk mencapai MATLAMAT  
ialah mempunyai MATLAMAT ”

**BAB 6**  
**CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA**

- 1 Persekutuan Malaysia telah ditubuhkan pada 16 September 1963.  
Apakah cabaran dalaman yang dihadapi oleh negara selepas penubuhan tersebut?  
ms 116
- A Kepelbagaian etnik
  - B Kemasukan imigran
  - C Kemelesetan ekonomi
  - D Ketiadaan teknologi
- 2 Sumber ekonomi di Sarawak dan Sabah berjaya meningkatkan jumlah eksport negara pada tahun 1963.  
Apakah sumber tersebut?  
ms 116
- I Koko
  - II Gambir
  - III Bijih timah
  - IV Petroleum
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 3 Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam membantu penduduk Sarawak dan Sabah menghadapi cabaran sosioekonomi?  
ms 117
- I Menyekat penghijrahan keluar negara
  - II Mengawal kemasukan barangan import
  - III Menyediakan pelbagai tanaman komersial
  - IV Memberikan pendidikan kepada bumiputera
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 4 Apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan untuk membina sistem perhubungan dan pengangkutan di Sarawak dan Sabah?  
ms 117
- A Ketiadaan sokongan penduduk
  - B Kekurangan tenaga buruh
  - C Keselamatan penduduk
  - D Keluasan saiz negeri

- 5 Mengapakah masyarakat di Sarawak dan Sabah tidak mendapat peluang pendidikan yang sempurna pada zaman penjajahan British?
- ms 117
- A Lokasi sekolah di bandar
  - B Perbezaan ideologi politik
  - C Biaya yuran yang tinggi
  - D Terikat dengan adat

- 6 Bagaimanakah kerajaan memastikan penduduk di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah memperoleh pendidikan?
- ms 117
- A Menggalakkan penghijrahan
  - B Memperkenalkan bahasa asing
  - C Memajukan sistem perhubungan
  - D Menyediakan latihan kepada guru

- 7 Maklumat berkaitan krisis perlembagaan di Sarawak pada tahun 1966.

Seramai 21 orang ahli Council Negeri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Ketua Menteri Sarawak yang pertama.

Apakah kesan krisis tersebut terhadap Ketua Menteri Sarawak?

ms 118

- A Dipenjarakan
  - B Dibayar pampasan
  - C Dipecat oleh Gabenor
  - D Diminta meletakkan jawatan
- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Sarawak pada Jun 1966.

Stephen Kalong Ningkan telah dipecat sebagai Ketua Menteri Sarawak.

Apakah tindakan beliau selepas peristiwa tersebut?

ms 118

- A Meraih sokongan daripada British
  - B Membawa kes ke Mahkamah Tinggi
  - C Melakukan demonstrasi aman
  - D Mendesak pelantikan semula
- 9 Mengapakah darurat diisytiharkan di Sarawak pada September 1966?
- ms 118
- A Memelihara keamanan negeri
  - B Menamatkan penjajahan barat
  - C Mengatasi masalah perkauman
  - D Membanteras kegiatan kongsi gelap

10 Apakah perkara yang dituntut dalam kempen Malaysian Malaysia yang dilakukan oleh Lee Kuan Yew?

ms 119

- A Pemerintahan bercorak republik
- B Penghapusan institusi beraja
- C Persamaan hak samarata
- D Perubahan sempadan negara

11 Senarai berikut merupakan faktor pemisahan Singapura dalam aspek ekonomi.

- Menuntut pasaran bersama disegerakan
- Mengenakan kadar faedah pinjaman
- X

Apakah X?

ms 119

- A Penguasaan sumber petroleum
- B Penambahan kadar cukai
- C Pembinaan pelabuhan bebas
- D Penubuhan syarikat kerjasama

12 Senarai berikut merupakan tokoh yang terlibat dalam mesyuarat yang diadakan pada 1 Julai 1965.

- Tun Abdul Razak Hussein
- Dr. Ismail Abdul Rahman
- Tan Siew Sin
- V.T. Sambanthan

Apakah perkara yang dipersetujui dalam mesyuarat tersebut?

ms 120

- A Pengisytiharan darurat
- B Pindaan perlembagaan
- C Pemisahan Singapura
- D Pembubaran Parlimen

13 Maklumat berikut berkaitan faktor pemisahan Singapura pada tahun 1965.

- Konflik pemimpin PAP dengan Perikatan
- Menuntut pasaran bersama disegerakan
- Membangkitkan isu antara kaum

Apakah pendekatan yang digunakan oleh Tunku Abdul Rahman dalam menyelesaikan isu tersebut?

ms 120

- A Ugutan
- B Rundingan
- C Manipulasi
- D Desakan

- 14 Ancaman komunis di Sarawak bermula sejak zaman pendudukan Jepun pada tahun 1941.

Bagaimanakah komunis menjalankan kegiatan mereka?

ms 121

- I Melakukan serangan bersenjata
- II Memusnahkan kemudahan awam
- III Mencetuskan sentimen perkauman
- IV Menyekat rancangan pembangunan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 15 Maklumat berikut berkaitan gerakan politik yang ditubuhkan oleh Parti Komunis Kalimantan Utara.

- Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU)
- Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS)

Apakah matlamat gerakan politik tersebut?

ms 121

- A Membentuk kerajaan republik
- B Melumpuhkan ekonomi negara
- C Menentang pentadbiran Jepun
- D Meraih sokongan kerajaan British

- 16 Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membanteras kegiatan komunis di Sarawak.

Apakah usaha yang dilakukan melalui perang saraf?

ms 121

- I Memperkenalkan kad pengenalan
- II Mengisytiharkan kawasan putih
- III Mengadakan perhimpunan awam
- IV Menubuhkan pasukan keselamatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 17 Maklumat berikut berkaitan usaha kerajaan dalam melindungi rakyat daripada ancaman komunis di Sarawak.

- Menempatkan 7500 orang di petempatan baharu.
- 1200 orang berketurunan Hakka dipindahkan ke tiga kawasan petempatan baharu.

Bagaimanakah kerajaan menjamin keselamatan penduduk di petempatan tersebut?  
ms 122

- I Mengenakan perintah berkurung
- II Mengadakan catuan makanan
- III Menambahkan peluang pekerjaan
- IV Mengawal persekitaran dengan ketat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 18 Dialog berikut mungkin berlaku di Sarawak pada 13 Oktober 1973.

Ketua Menteri : Bong Kee Chok, pemimpin komunis ada menulis surat untuk berunding dengan kita.  
Setiausaha Politik : Harapan kita masalah ini dapat diselesaikan.

Apakah kesan yang berlaku terhadap anggota komunis selepas peristiwa rundingan tersebut?

ms 122

- A Ramai menyerah diri
- B Menerima ganti rugi
- C Hubungan kaum terjejas
- D Dihantar pulang ke negara asal

- 19 Senarai berikut berkaitan operasi ketenteraan yang dilancarkan untuk membanteras ancaman komunis di Sarawak.

Tarikh	Usaha
6 Julai 1965	Operasi Hammer
24 Februari 1970	Operasi Jala Raja
21 Oktober 1973	Operasi Sri Aman

Apakah kejayaan operasi tersebut?

ms 123

- A Menandatangani perjanjian damai
- B Meningkatkan taraf hidup rakyat
- C Memperkenalkan perang saraf
- D Meluaskan sempadan negeri

- 20 Maklumat berkaitan pentadbiran yang diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak Hussein di Bahagian Ketiga, Sarawak.

Tarikh	Pentadbiran
26 Mac 1972	Rajang Area Security Command (RASCOM)

Apakah matlamat pentadbiran tersebut?

ms 123

- A Perpaduan kaum
- B Kestabilan politik
- C Keselamatan negara
- D Pembangunan wilayah

- 21 Apakah bentuk ancaman yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya terhadap anggota keselamatan negara di Semenanjung Malaysia?

ms 124

- I Meletupkan jalan raya
- II Membuat serangan hendap
- III Membunuh pegawai kanan polis
- IV Memusnahkan pondok pengawal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 22 Apakah tuntutan rakyat kepada kerajaan selepas peristiwa berikut berlaku di Kuala Lumpur?

ms 125

Tarikh	Peristiwa
26 Ogos 1975	Komunis mengebom Tugu Negara

- A Mengadakan tempoh berkabung
- B Mengisytiharkan undang-undang darurat
- C Menghantar pulang ahli komunis ke China
- D Memperkenalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri

23 Senarai berikut berkaitan usaha mengatasi ancaman komunis di negara kita.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Strategi Counterinsurgency (COIN)</li> <li>• Operasi Hammer</li> <li>• Rancangan Briggs</li> </ul> |
|---|

Apakah kesan daripada pelaksanaan usaha tersebut?

ms 122 & 125

- I Membentuk kerjasama rakyat
- II Mengembalikan keamanan negara
- III Menggalakkan kemasukan imigran
- IV Mencetuskan penubuhan parti politik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Maklumat berikut berkaitan langkah kerajaan menangani ancaman komunis di negara kita.

Negara	Perkara
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Malaysia</li> <li>• Kerajaan Thailand</li> </ul>	Perjanjian Kerjasama Sempadan Memerangi Komunis 1976

Apakah perkara yang dipersetujui dalam perjanjian tersebut?

ms 125

- A Memperkenalkan pas lawatan
- B Menawarkan pengampunan
- C Membina pagar sempadan
- D Mendapatkan bantuan luar

25 Maklumat berikut berkaitan dasar kerajaan yang diperkenalkan di negara kita.

<b>Tokoh</b>	Tun Abdul Razak Hussein
<b>Tahun</b>	1966 hingga 1970
<b>Tempat</b>	Bilik Gerakan Pembangunan Negara

Apakah dasar tersebut?

ms 126

- A Dasar Ekonomi Baru
- B Dasar Pembangunan Nasional
- C Rancangan Malaysia Pertama
- D Rancangan Malaysia Kedua

26 Gambar berikut berkaitan tokoh yang berjasa kepada negara kita.



Tun Abdul Razak Hussein

Apakah jawatan yang pernah disandang oleh beliau?

ms 127 & 130

- I Anggota Suruhanjaya Reid
- II Pengasas Pertubuhan UMNO
- III Timbalan Perdana Menteri
- IV Pengerusi MAGERAN

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Senarai berikut berkaitan isu ekonomi yang perlu dihadapi oleh negara kita.

- Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah
- Petani merupakan golongan berpendapatan rendah
- Pertanian komersial kurang diusahakan oleh petani

Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu tersebut?

ms 127

- A Menubuhkan pusat latihan teknikal
- B Membentuk integrasi antara penduduk
- C Mempelbagaikan industri pemprosesan
- D Menyusun semula penempatan masyarakat

28 Rancangan Malaysia Pertama telah diperkenalkan untuk menangani isu taraf hidup rakyat yang berbeza.

Bagaimanakah isu ini dapat diatasi ?

ms 128

- A Memperkenalkan industri berat
- B Menggalakkan aktiviti perkilangan
- C Mengadakan hubungan diplomatik
- D Menyusun semula struktur pentadbiran

29 Kerajaan berusaha untuk mengurangkan kadar kelahiran tidak normal dalam kalangan penduduk di negara kita.  
Apakah usaha yang dilakukan untuk menghadapi masalah tersebut?

Ms 128

- A Menyeragamkan pendidikan
- B Menyalurkan bantuan kewangan
- C Menyediakan makanan tambahan
- D Melaksanakan perancang keluarga

30 Apakah tujuan penubuhan pusat latihan vokasional dan teknikal di negara kita?

Ms 128

- I Mengawal kadar inflasi
- II Memilih pemimpin berwibawa
- III Menambah peluang pekerjaan
- IV Mengurangkan pengangguran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang mencetuskan kekacauan di negara kita pada tahun 1969.

Ketegangan antara penyokong parti politik dalam Pilihan Raya Umum Ketiga

Apakah isu yang mencetuskan peristiwa tersebut?

Ms 129

- A Perebutan jawatan
- B Sentimen perkauman
- C Kadar cukai tinggi
- D Penindasan rakyat

32 Pengisytiharan darurat telah dibuat pada 16 Mei 1969 bagi menghentikan rusuhan kaum di negara kita.

Siapakah yang bertanggungjawab membuat pengisytiharan tersebut?

Ms 129

- A Perdana Menteri
- B Ketua Polis Negara
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Ketua Panglima Tentera

- 33 Senarai berikut berkaitan langkah kerajaan yang dilakukan dalam tempoh darurat selepas peristiwa 13 Mei 1969.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlembagaan digantung</li> <li>• Berita daripada pihak media perlu ditapis</li> <li>• <b>X</b></li> </ul> |
|---|

Apakah **X** ?

ms 129

- A Penggabungan parti politik
- B Pelaksanaan pilihan raya
- C Perjanjian sempadan negara
- D Penubuhan pusat perlindungan

- 34 Tragedi rusuhan kaum telah berlaku pada 13 Mei 1969. Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?

ms 129

- A Membubarkan Parlimen
- B Menyekat pergerakan rakyat
- C Membatalkan Akta Hasutan 1948
- D Menutup pintu sempadan negara

- 35 Maklumat berikut berkaitan usaha yang dilakukan dalam tempoh darurat pada tahun 1969.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menapis berita palsu</li> <li>• Menerangkan usaha kerajaan</li> </ul> |
|--|

Apakah pihak yang bertanggungjawab menjalankan usaha tersebut?

ms 130

- A Jabatan Penerangan
- B Majlis Amanah Rakyat
- C Jawatankuasa Muhibah
- D Jawatankuasa Antara Kerajaan

- 36 Makluman berikut berkaitan penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) di negara kita.

Tarikh	Pengerusi
16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971	Tun Abdul Razak Hussein

Apakah peranan majlis tersebut?

ms 130

- A Mengukuhkan kedudukan pemerintah
- B Mengembalikan keamanan negara
- C Membanteras ancaman komunis
- D Mengadakan pilihan raya umum

- 37 Apakah perkara yang perlu diberi tumpuan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dalam mengawal ketenteraman negara?

ms 130

- A Perpaduan kaum
- B Pendidikan rakyat
- C Hubungan diplomatik
- D Keselamatan perairan

38 Pasangan manakah yang betul berkaitan langkah memulihkan keadaan negara pada tahun 1969?

ms129-131

Pilihan Jawapan	Nama	Langkah
A	Yang di-Pertuan Agong	Membubarkan Parlimen
B	Raja-raja Negeri Melayu	Meminta rakyat mematuhi undang-undang
C	Jabatan Penerangan	Menguatkuasakan perintah berkurung
D	Jawatankuasa Muhibah	Memagar Kampung Baru

39 Apakah usaha yang dilakukan oleh pemimpin masyarakat dan politik di Perak dalam memulihkan keadaan negara pada tahun 1969?

ms 131

- I Menggubal Akta Hasutan 1948
- II Membuat dasar ekonomi negara
- III Membentuk Jawatankuasa Muhibah
- IV Membantu mengekalkan keamanan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Senarai berikut berkaitan peristiwa penting yang berlaku pada tahun 1960-an.

- Pemisahan Singapura 1965
- Darurat di Sarawak 1966
- Tragedi 13 Mei 1969

Apakah persamaan kesan daripada peristiwa tersebut?


ms 118,119 & 129

- A Kuasa sultan tergugat
- B Kehilangan wilayah gabungan
- C Pertahanan sempadan lemah
- D Keharmonian kaum terjejas

## PERATURAN PEMARKAHAN

## BAB 6

NO	JAWAPAN	MUKA SURAT	NO	JAWAPAN	MUKA SURAT
1	A	116	21	C	124
2	B	116	22	D	125
3	D	117	23	A	125
4	D	117	24	C	125
5	A	117	25	C	126
6	D	117	26	D	127 & 130
7	C	118	27	C	128
8	B	118	28	B	128
9	A	118	29	D	128
10	C	119	30	D	128
11	B	119	31	B	129
12	C	120	32	C	129
13	B	120	33	D	129
14	A	121	34	B	129
15	A	121	35	A	130
16	C	121	36	B	130
17	B	122	37	A	130
18	A	122	38	B	129-131
19	A	123	39	D	131
20	C	123-124	40	D	118,119 & 129



## BAB 7 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

1 Apakah yang dimaksudkan dengan integrasi nasional?

ms 140

- A Pameriksaan jati diri bangsa
- B Penghormatan terhadap perlembagaan negara
- C Pemberian hak rakyat untuk memilih pemerintah
- D Pengukuhan hubungan masyarakat antara negeri dan wilayah

2 Maklumat berikut berkaitan konsep pembinaan negara bangsa Malaysia.

- Perpaduan kaum
- Integrasi Nasional

Apakah teras kedua-dua konsep tersebut?

ms 140

- I Perlembagaan Persekutuan
- II Agama rasmi persekutuan
- III Kewarganegaraan
- IV Rukun Negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Maklumat berikut berkaitan dasar pentadbiran British di Tanah Melayu.

Pekerja dibawa masuk dari luar untuk bekerja dalam perlombongan, perladangan dan perniagaan.

Apakah kesan pelaksanaan dasar tersebut?

ms 141

- A Hubungan kaum renggang
- B Melicinkan pentadbiran
- C Menjejaskan ekonomi
- D Taraf hidup meningkat

4 Mengapakah masalah hubungan antara kaum berterusan sehingga selepas merdeka?

ms141

- A Perkembangan ekonomi tidak memberangsangkan
- B Keselamatan masyarakat tidak diperkasa
- C Penyampaian maklumat tidak berkesan
- D Kehidupan terpisah antara kaum

- 5 Maklumat berikut berkaitan kawasan petempatan masyarakat Tanah Melayu pada abad ke-19 dan 20.

- Kawasan perlombongan
- Kawasan perladangan getah
- Kawasan perkampungan

Apakah kesan situasi tersebut?

ms141

- A Perpindahan penduduk kampung ke bandar
- B Perbezaan ekonomi antara kaum
- C Pertambahan kenderaan awam
- D Peluang pekerjaan terhad

- 6 Apakah kesan pelaksanaan sistem pendidikan vernakular kepada masyarakat Tanah Melayu sebelum dan selepas merdeka?

ms 141

- A Peningkatan budaya
- B Pertambahan penduduk
- C Kepelbagaian pemikiran
- D Keseimbangan ekonomi

- 7 Apakah peranan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang ditubuhkan pada tahun 1969?

ms142

- A Menyekat aliran komunisme
- B Merangka satu ideologi negara
- C Membentuk permuafakatan politik
- D Menggubal garis panduan kerjasama antara kaum

- 8 Maklumat berikut berkaitan Majlis Perundingan Negara yang ditubuhkan pada 29 Januari 1970.

- Menyediakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum
- Mewujudkan integrasi nasional antara negeri dan wilayah
- X

ms 142

Apakah X?

- A Menyelaras sistem pendidikan kebangsaan
- B Mewujudkan masyarakat penyayang
- C Meningkatkan ekonomi penduduk
- D Memupuk identiti kebangsaan

9 Maklumat berikut berkaitan dasar ekonomi Malaysia.

- Dasar Ekonomi Baru
- Dasar Pembangunan Nasional

Mengapakah dasar tersebut diperkenalkan?

ms 143

- A Menghadkan buruh asing
- B Menghapuskan monopoli barat
- C Memakmurkan ekonomi rakyat
- D Mewujudkan bandar terancang

10 Apakah tujuan kerajaan memperkenalkan rancangan pembangunan tanah selepas merdeka?

ms 143

- A Menghasilkan inovasi dalam penanaman
- B Membina lebih banyak infrastruktur
- C Menyediakan pinjaman pertanian
- D Menambah pendapatan rakyat

11 Senarai berikut merujuk kepada kawasan Zon Perindustrian Bebas di Malaysia.

- Bayan Lepas
- Pasir Gudang
- Pelabuhan Klang

Bagaimanakah aktiviti tersebut merencanakan perkembangan ekonomi negara?

ms 143

- A Menambahbaik penyampaian maklumat
- B Mempromosi hasil kraftangan negara
- C Meningkatkan perkhidmatan bank
- D Memajukan sektor perdagangan

12 Pembangunan ekonomi di wilayah Sarawak dan Sabah dilaksanakan selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Apakah faedah yang diperolehi daripada usaha tersebut?

- A Persaingan ekonomi secara adil
- B Perkembangan sektor industri berat
- C Penstrukturan ekonomi mengikut etnik
- D Pertambahan penduduk yang seimbang

13 Apakah kepentingan Rukun Negara kepada warga negara kita?

ms 143

- A Identiti bahasa
- B Suluh kehidupan
- C Tunjang kesetiaan
- D Asas pembangunan

14 Senarai berikut berkaitan sistem pendidikan negara.

- Laporan Rahman Talib
- **X**
- Falsafah pendidikan negara

Apakah **X** ?

ms143

- A Rukun Negara
- B Dewan Bahasa & Pustaka
- C Dasar Pembangunan Nasional
- D Laporan Jawatankuasa Kabinet

15 Maklumat berikut berkaitan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

- **X**
- Menyediakan tenaga kerja mahir
